



Pelita Brunei
INTERNET PAU LAM HUI BAI

3 APRIL, 1985

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

MELAYANI MINAT DAN PERHATIAN BERBAGAI PIHAK KEPADA KONSEP MIB

PERKARA konsep Melayu Islam Beraja masih mendapat perhatian. Terdapat minat di

kalangan pihak-pihak tertentu terhadap konsep tersebut.

Kita mendapati perhatian dan minat yang ada setakat ini lebih berupa usaha untuk mendapat penjelasan mengenai maksud-maksud yang terkandung dalam konsep tersebut. Dalam masa yang sama kita tidak menolak adanya kewahaman dan juga kecurigaan. Tetapi penjelasan yang dihuraikan setakat ini sepatutnya telah difahami baik, sambil pihak-pihak yang wahan atau curiga itu tidak sepatutnya membiarkan diri mereka dengan berbagai prasangka. Sebab, tidak ada alasan bagi mereka terus-menerus wahan dan curiga kepada konsep yang menjadi hakikat turun-temurun negara ini dan sudah sebati memberi sifat serta corak kepadanya. Sebaliknya sebarang kewahaman dan kecurigaan patutlah mereka atasi dengan memberi perhatian kepada kepentingan yang lebih utama iaitulah menyesuaikan diri dengan aspirasi negara.

Telah dijelaskan bahawa konsep Melayu Islam Beraja bukanlah konsep baharu. Ia

kelihatan baharu manakala sebutannya termaktub dalam titah Permaisuri Kemerdekaan dan sekarang ini sering disebut-sebut dalam usaha mengketarakannya. Ia sudah ternyata sebagai suatu konsep yang dihayati turun-temurun dan mendatangkan kebajikan yang menyeluruh kepada negara, rakyat serta penduduk. Keadaan dan suasana hidup kita pada masa ini yang sentiasa aman sejahtera adalah lanjutan daripada kesan-kesan kebajikan yang dimungkinkan oleh pegangan kepada konsep tersebut sama ada di peringkat rasmi Kerajaan ataupun di peringkat orang ramai. Maksud kita ialah pegangan kepada cara hidup yang menggemari perkara-perkara berkebaikan yang tumbuh subur menerusi nilai-nilai sosio-budaya dan sosio-politik yang sudah turun-temurun.

Dari segi itu penjelasan yang dibuat sebenarnya adalah juga jaminan bahawa tidak sepatutnya berbangkit sebarang kejutan budaya dan kejutan politik. Jika dalam penjelasan itu terdapat seruan supaya semua pihak harus berusaha menyesuaikan diri dengan aspirasi

negara yang hakikatnya ialah negara Melayu Islam Beraja maka itu adalah ulangan seruan-seruan yang dibuat sebelumnya.

Kewajipan pada peringkat ini masih berupa usaha memperjelas dan meyakinkan. Dalam hubungan itu kita sekaligus akan berusaha mengatasi jika timbul sikap dolak-dalik yang semata-mata bertujuan bagi melemahkan penghayatan yang sempurna konsep tersebut.

Maka kerana itulah mana-mana perhatian dan minat yang betul-betul ingin memahami lebih lanjut tentang konsep MIB itu tentu sahaja dialu-alukan. Sesungguhnya kita harus terus bersifat terbuka dalam usaha mengketarkan konsep tersebut. Ya! kita akan bersifat terbuka kepada mana-mana yang berkenaan dengan kepentingan kita yang sebenarnya iaitu untuk mengekalkan negara kita ini sebagai negara Melayu Islam Beraja yang Demokratik berdasarkan ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah.

BERIKUT ialah ucapan YDM Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz Menteri Pelajaran dan Kesihatan semasa merasmikan pembukaan Kursus Kepimpinan Ketua-ketua dan Pemimpin-pemimpin Badan Penuntut Seluruh Negara kali pertama pada 25 Mac, 1985 bertempat di Maktab Sains, Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara.

"JANGAN HANTAR ANAK-ANAK DAMIT KE TAMAN ASUHAN YANG TIDAK BERKUALITI.."

— Menteri Pelajaran dan Kesihatan

Bismillahir Rahmanir Rahim
Asalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, segala puji-pujian bagi Allah yang telah mewajibkan kita taat kepada ketua-ketua; selawat serta salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang telah mengamanahkan kepada manusia supaya mendidik dan mengasuh anak-anak.

Saya sangat merasa berbahagia kerana mendapat kesempatan untuk menghadiri diri ke majlis pembukaan rasmi Kursus Kepimpinan Ketua-Ketua Penuntut yang diadakan mulai hari ini, saya berharap kursus seperti ini akan mendatangkan manfaat kepada para peserta dan seterusnya memberi kebaikan kepada penuntut-penuntut lain yang di bawah pimpinan mereka.

Berucap mengenai manfaat dan kebaikan bagi penuntut-penuntut, maka Kementerian Pelajaran dan Kesihatan melalui Jabatan Pelajaran telah membuat berbagai langkah termasuk bagi faedah-faedah kemajuan akademik dan asuhan kepada anak-anak sekolah.

TAMAN ASUHAN

Sehubungan dengan perkara pelajaran dan asuhan anak-anak itu maka Kementerian Pelajaran dan Kesihatan sangat menghargai akan kesedaran ibu bapa yang berlumba-lumba membuat persiapan awal pada mengenalkan persekolahan dan pelajaran kepada anak-anak mereka yang masih damit dalam lingkungan umur tiga tahun, di mana kanak-kanak damit ini telah dihantar ke berbagai taman didikan atau taman asuhan yang tumbuh dengan pesatnya di hampir seluruh daerah di Negara Brunei Darussalam ini.

Mengenai dengan orang-orang perseorangan atau pertubuhan-pertubuhan yang menganjurkan taman didikan

dan bimbingan itu pula, bukanlah menjadi maksud Kementerian Pelajaran dan Kesihatan untuk menghalang atau menekan inisiatif mereka, kerana mereka sebenarnya layak mendapat penghargaan selagi mereka menjalankan taman-taman didikan dan bimbingan itu secara sedar dan penuh bertanggungjawab yakni bukan semata-mata untuk mendapatkan keuntungan material bahkan yang lebih penting ialah untuk memenuhi keperluan masyarakat umum di bidang asuhan anak-anak dan pelajaran yang seumpamanya itu.

Kementerian Pelajaran dan Kesihatan sendiri ingin melihat supaya pertumbuhan taman didikan seperti itu akan dapat dilaksanakan dengan sempurna dengan memenuhi syarat-syarat yang diperlukan umpamanya dari segi tapak tanah dan bangunan yang selamat bagi anak-anak yang masih damit itu di samping mengawal cara pelajaran dan cara pengajaran.

KESELAMATAN NYAWA

Sekali lagi saya tegaskan, bahawa pihak-pihak yang menubuhkan taman asuhan atau apa jua coraknya, hendaklah memastikan keselamatan nyawa anak-anak yang masih damit itu dan untuk hal yang sedemikian, mereka hendaklah memerhatikan bahawa bangunan yang dijadikan sekolah itu hendaklah mengambil kira aspek-aspek keselamatan dan keselamatan anak-anak.

Saya sedar, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan ada mempunyai pegawai-pegawai yang berkebolehan dalam bidang pendidikan, dan saya diyakinkan pelajaran bagi anak-anak damit di bawah umur empat tahun tidaklah boleh disamakan dengan persekolahan anak-anak berumur lima tahun ke atas.

Dengan keyakinan sedemikian itu, maka saya berseru kepada penganjur-

penganjur taman asuhan supaya sama-sama memastikan pertumbuhan akal dan perkembangan mental anak-anak yang masih damit itu. Dalam keghairahan ibu bapa menghantar anak-anak di bawah umur empat tahun ke taman-taman asuhan, saya ingin menarik perhatian masyarakat umum bahawa pada masa ini terdapat banyak taman asuhan yang dibuka oleh pihak-pihak tertentu dengan tidak mendapat kebenaran pihak Kerajaan kerana berbagai sebab.

Sebahagian daripada taman asuhan yang tidak mendapat kebenaran itu adalah kerana bangunan yang digunakan tidak menepati perkar-perkara seperti syarat tanah, keluasan bilik, kekukuhan bangunan, kesesuaian guru-guru dan seumpamanya dan Kementerian Pelajaran dan Kesihatan memberikan perhatian yang berat kepada keselamatan nyawa daripada kedudukan jalan raya atau kesukaran dan kesesakan; takdirnya, barang dijumpai Tuhan, berlaku sebarang kebakaran bagi anak-anak yang sangat kecil itu untuk menyelamatkan diri masing-masing.

TIDAK TERLATIH

Ibu bapa hendaklah berhati-hati, jangan sampai menghantar kanak-kanak damit mereka ke taman asuhan yang tidak sempurna dan tidak mendapat kebenaran Kerajaan, kerana menghantar anak-anak ke taman asuhan yang meng-

gunakan guru yang tidak terlatih untuk mengasuh kanak-kanak damit hanya mendatangkan berbagai masalah bagi pertumbuhan akal dan perkembangan mental anak-anak yang sangat kecil itu. Amatlah membahayakan, jika menghantar kanak-kanak damit ke taman asuhan yang tidak dibenarkan oleh Kerajaan yang menggunakan anak-anak muda belasan tahun untuk menjadi guru, sedangkan anak-anak muda itu sendiri tidak menerima sebarang latihan dalam bidang perguruan. Ada pula di antara mereka yang menjadi guru ini ialah mereka yang telah meninggalkan sekolah kerana gagal dalam sebarang peperiksaan akibatnya kanak-kanak damit yang menerima latihan oleh guru-guru yang tidak terlatih itu akan dirasai oleh anak-anak itu sendiri apabila mereka telah meningkat ke peringkat-peringkat yang lebih tinggi pada waktu mana kecekapan mentalnya mungkin kurang sempurna. Ini sangatlah merugikan.

Kementerian Pelajaran dan Kesihatan sedang memberikan perhatian serius kepada pertumbuhan taman-taman asuhan yang semakin berkembang itu. Semata-mata bagi mengawal keselamatan nyawa, akal dan mental kanak-kanak damit, dengan perkenan Kebawah DYM Jua sebuah jawatankuasa telah ditubuhkan untuk membuat laporan dan cadangan-cadangan bagi menghadapi masalah sedemikian itu termasuklah kemungkinan bagi

menutup taman-taman asuhan yang tidak sempurna. Perbuatan sedemikian itu difikirkan berpatutan.

TIDAK BERUPAYA

Bukanlah suatu hal yang mustahil, bahawa pada suatu peringkat, para ibu bapa akan diberikan pemahaman betapa bahayanya menghantar kanak-kanak damit ke taman asuhan yang tidak berkualiti itu dan Kementerian Pelajaran dan Kesihatan sedang membuat kajian untuk menyalurkan anak-anak itu ke sekolah Kerajaan menurut kepunyaan dan insya-Allah dari bilangan yang ada di perkhidmatan ini, kita tidak nampak apa jua kesulitan untuk mengatasi masalah ini. Saya sendiri lebih suka melihat supaya penganjur-penganjur taman asuhan akan menjalankan usaha mereka setakat pra-sekolah, yakni tidak melanjutkan taman asuhan mereka itu ke peringkat primary atau preparatory khasnya jika mereka tidak berupaya mendapatkan guru-guru yang terlatih. Saya juga berharap, hendaklah diberhentikan keinginan untuk menubuhkan taman asuhan tanpa kebenaran khasnya jika gurunya adalah anak-anak muda belasan tahun yang meninggalkan sekolah tanpa sebarang latihan.

Berbalik kepada kursus kepimpinan ketua-ketua penuntut ini, saya sungguh-sungguh berharap supaya ketua-ketua penuntut akan berusaha bersama pihak sekolah masing-masing pada mengawal keelakan dan

keselamatan harta-benda sekolah serta memelihara disiplin para penuntut sendiri.

MEMBASMI

Menyebut perkara disiplin sekolah, saya sangat menaruh harapan kepada Jawatankuasa Sekolah yang mengandungi guru-guru dan ibu bapa untuk sama-sama memberikan perhatian yang berat, dan kepada ibu bapa sendiri, saya ingin menegaskan, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan atau pihak Kerajaan tidak harus dianggap sebagai satu-satunya pihak yang menghadapi berbagai perkembangan yang kurang sihat dari luar yang sedang menjalar di kalangan sebahagian kecil anak-anak sekolah. Mengalihkan menjadi tujuan Kementerian ini untuk berusaha sekuat-kuatnya pada membasmi sebarang pengaruh yang tidak baik sebelum merebak, tetapi ibu bapa dan masyarakat umum hendaklah tidak mengambil ringan akan pemedulian terhadap anak masing-masing.

Saya berdoa ke hadirat Allah agar semua anak-anak sekolah di negara ini akan beroleh keselamatan dan kejayaan.

Maka dengan membaca "Bismillahi Rahmanir Rahim" saya rasmikan Kursus Kepimpinan Ketua-Ketua Penuntut ini.

Wabillahi Taufik Wal Hidayat Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS... Siri ke-271

MELIHAT RASULULLAH SALLALLAHU ALAIHI WASALLAM DALAM MIMPI

Kurang melihat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam tidur (mimpi pada akhir zaman):

MELIHAT Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam tidur yakni mimpi, adalah benar, dan syaitan tiada dapat menyerupai rupa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, sebagaimana tersebut dalam hadis-hadis seperti dalam Sahih Al-Bukhari dan Muslim, kedua-dua kitab itu sebenar-benar kitab selepas Al-Quranul Karim.

Banyak orang bercita-cita hendak melihat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam mimpi, maka mereka tiada berjaya, sekalipun mereka mencari jalan dengan berbuat zikir, doa dan selawat ke atas Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, sehingga banyak yang telah melihat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam mimpi dihidjatkan (terlindung) dari melihat melainkan di dalam keadaan yang jarang-jarang sekali, keadaan yang tersebut itu suatu pen-

dahulu bagi berhenti dari melihat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam mimpi sama sekali sebagaimana yang dikhabarkan oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam.

Berkata Al-Imam Al-Azraqi dalam Tarikh Mekah: Katanya: "Saya telah ditahdithkan (dikhabarkan) oleh datuk laki-laki saya daripada Sa'ed bin Salam, daripada Othman bin Saj, telah berkata: "Telah sampai kepada saya daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang bermaksud: "Dari tanda-tanda hampir kiamat, maka mula-mula perkara yang akan diangkat ke langit ialah Al-Hajjarul Aswad yang ada di Ka'abah Baitullahul Haram itu, dan Quran diangkat dari mushaf Quran dan dada orang yang hafaz Al-Quran itu, dan mimpi melihat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam."

Berkata tuan-tuan guru kita: "Bahawa penuntut-penuntut ilmu agama Islam mudah dapat melihat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, bagi meng-

gemarkan mereka pada mencari ilmu."

Adalah tuan guru Al-'Allamatul Muhaddith Sahibul Qadamirrasikhah Fil Ma'qul Walmanqul, guru ilmu hadis di Al-Azhar, Asy-Syeikh Muhammad Habibullah bin Maya bash-Shingiti telah melihat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam mimpi, iaitu pada malam Rabu 21 Jamadil Ula tahun 1359, musim serangan udara Jerman ke atas bandar raya Al-Qahirah, tuan guru itu telah menyudahkan karangan Zadul Muslim dalam 5 juz', tiba-tiba sebelum Subuh beberapa jam, tuan guru itu telah mimpi melihat seorang masuk ke dalam bilik tidurnya, seolah-olah ayahandanya atau gurunya Asy-Syeikh Maul Aina'in, maka dia dekat kepadanya tiba-tiba Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan tuan guru itu mengucap tangan Baginda Rasulullah dan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah memeluk tuan guru dua kali. Dan tuan guru itu juga sedang bimbang dari serangan udara Jerman, inakalaka ia jaga ia taklakan bahawa karangan Zadul Muslim dalam hadis

akan diterima Allah, dan selamat tuan guru dan keluarga dan harta benda tuan guru dan orang-orang bandar raya Al-Qahirah dari serangan udara Jerman, kerana rumah tuan guru itu dekat dengan gunung benteng pertahanan askar Mesir dalam bandar Al-Qahirah, yang dipanggil orang (Al-Qal'ah). Tuan guru Asy-Syeikh Asy-Syinqiti Rahimahullah Wa Ardahu telah mati pada bulan Safar tahun 1363 di Al-Qahirah ketika berumur 69 tahun. Serangan berhenti dengan adanya perjanjian di antara dua pihak yang berperang itu.

Kira-kira 30 tahun dahulu, saya ada mengaji kepada seorang guru khas daripada ulama Al-Azhar yang terkenal dengan Syekh Syuyukhil Azhar, kerana banyak ulama Al-Azhar belajar kepadanya, sebelum mendapat kelulusan di dalam peperiksaan, maka tuan guru itu telah kena sakit mata yang berpanjangan berbulan-bulan lamanya, pada suatu hari tuan guru itu berkata kepada saya: "Malam semalam saya mimpi melihat Rasulullah Sallallahu Alaihi

Wasallam." Saya jawab: "Itu suatu kesukaan kepada tuan guru bahawa penyakit tuan guru akan segera sembuh." Kemudian lepas itu beberapa ketika sembahlah mata tuan guru itu, dan selesalah ia mengajar dan bekerja. Tuan guru itu ialah Al-'Allamah Asy-Syeikh Muhammad Abdul Qadir Al-Kailani Rahimahullah yang meninggal pada 9 Zulkaedah 1388 ketika berumur tua, datuknya telah berhijrah dari Baghdad ke Mesir masa huru-hara di sana dan ia dari keturunan Asy-Syeikh Abdul Qadir Al-Jailani dari keturunan Saidina Al-Hassan bin Ali Alaihimassalam. Ketika saya ziarah Mesir tahun 1974, saya pergi ziarah kepada isterinya di rumahnya di Qahirah, dan isterinya berkata kepada saya: "Bahawa kubur tuan guru itu telah dibuka kerana menanam kerabatnya di sebelahnya, maka didapati kafen dan jasad tuan guru itu tidak berubah." Itulah berkat ilmu dan hafaz Al-Quranul Karim bahawa jasad ulama tiada hancur.

Pada tahun lepas 1975 (1395), seorang murid saya, menulis surat kepada saya

bahawa ia telah melihat dalam mimpi akan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan ia bertanya adakah betul mimpi itu. Saya jawab: "Melihat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam mimpi adalah benar dan hak dan syaitan tiada dapat menyerupai rupa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam."

Dalam masa menuntut ilmu agama dahulu pada tahun 1938 (1357), saya kerap kali melihat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam beberapa majlis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan itu menetapkan hati saya pada menuntut ilmu Islam bukan sahaja dalam Al-Azhar bahkan di luar Al-Azhar pun saya belajar dengan guru-guru khas kerana saya hanya menghabiskan masa dengan ilmu Islam pada zaman itu. Moga-moga Allah Ta'ala tiada hentikan saya dari melihat Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di dalam mimpi bagaimana sudah-sudah Amin.

WALLAHUAKLAM

Dari muka 3

Johari bin Abd Rahman, Awg Hj Ahmad bin Yusoff, Awg Hj Md Salleh bin Tuah, Awg Abd Latif bin Haji Ibrahim, Awg Hj Ahmad bin Hj Ibrahim @ Haji Ering, Awg Md Daud bin Haji Awg Timbang, Awg Md Salleh bin Hitam, Awg Hj Metussin/Metali bin Haji Sapar, Awg Matassin bin Haji Rajab @ Kassim, Awg Mohd Yusoff bin Ahad.

Awang Patrick Kong Yun Hyung, Awg Lee Yun Sang, Dy Teo Sui Hew, Datin Rokiah bte Hj Awg Besar, Awg Hassan bin Ahmad, Awg Hj Bangkok bin Haji Tahir, Awg Kamis bin Haji Jaafar, Pg Zahari bin Pg Damit, Awg Ibrahim bin Yahya, Awg Hj Saman bin Haji Lamat, Awg Metussin bin Tengah, Awg

SENARAI NAMA-NAMA PENERIMA PINGAT

Ong Pang Ting, Dayang Mariani bte Abdullah @ Leong Lee Fong, Awg Haji Abdul Hamid bin Haji Simpol, Awg Kassim bin Ahmad.

Awg Hj Metussin bin Haji Metassin, Awang Md. Zain bin Jaluddin, Awg Abd Aziz bin Sahat, Awg Ahad bin Hj Mohammad, Awg Haji Abd. Manaf bin Haji Jambol, Awg. Hj Othman bin Uking, Awg Hj. Abd Latif bin Haji Metussin, Awg Karim bin Hj Kahar, Awg Ramli bin Haji Seri, Awg Richard Lai Thien Soo, Awg Shamsu bin Hussein, Awg Thani bin Hj. Badar, Awg Ibrahim bin Abd. Karim, Awg Delli bin Perak,

Awg Haji Ahmad bin Tuah, Dyg Hjh. Farimah bte Ismail, Awg John Ward, Awg Haji Abdul Latif bin Badar, Awg Koh Bun Thuan, Awg Haji Ahmad bin PJD Haji Mohd. Yusoff.

Awg Haji Tamit bin Haji Mangol, Awg Abdul Hamid bin Haji Tassim, Awg Abdullah b. n Arshad/Arsad, Dyg Hjh Mas Jaifon binte Haji Johan, Datin Fatimah binte Jaafar, Wan Abdul Rahman bin Tuanku Ali, Pg Mohd. Salleh bin Pg Abd Rahman, Awg Haji Besar Haji Metussin, Pg Hj Jaya bin Pg Haji Sulaiman, Awg Haji Asmat bin Jundin, Awg Haji Hidup bin Bini, Dyg Lorna Chai Mui Kuang, Awg Leong Seong Cheong, Awang Rajab b. n Talib, Awg Hj Abdullah bin Pehin O K Perbendaharaan Diraja (Begawan Pehin Khatib) Dato Seri Setia Haji Ali Hussain, Awg Timbang bin Haji Tengah, Awg Mok-sin b. n Puteh.

Awg Md Jali bin Haji Tamim, Awg Mohiddin bin Timbang, Pg Metarsad bin Pg Hj Yaakub, Awg Saipon bin Lamman, Pg Asmalee bin Pg Ahmad, Awg Hj Muhammad bin Haji Tudin, Dyg Hajjah Marhani binte Abd Latif, Dyg Hjh Naemah bte Mohd. Yusoff, Awg Ahmad bin Hitam, Awg Mohd Hussein bin Haji Hassan, Awg Mustafa bin Md Tahir, Awg Hj Salim b. n Pehin Dato Imam Haji Moku, Pg Haji Abd Rahman bin Pg Sulaiman, Pg Hajjah Salmah bte Pg Haji Ismail, Dyg Masura binte Abidin, Dyg Zahrah bte Ramlee, Dyg Salmah bte Haji Abdul Rahman, Dyg Norliah binte Mohd Taha, Dyg Zaleha bte Mohammad, Malai Hamidah bte Sheikh Nikman, Dayang

Hjh Fatimah binte Othman, Dyg Hjh Nafisah bte Abu, Dayang Hjh Maimunah binte Haji Bakar.

Awang Hj Tarif bin Pehin Perdana Wangsa Haji Mohammad, Awg Hj Mohd Kassim bin Hj Ahmad, Awg Hj Abdullah bin Lakim, Awg Mornee bin Sanai, Awg

Hidup bin Ibrahim, Pengiran Mohammad bin Pg Mohd Salleh, Awg- Abd Hamid bin Mohd Said, Awg Hj Abdullah bin Haji Sia, Awg Haji Mahmud bin Lamat, Awg Mohammad bin Abdullah, Pg Haji Ma'ek bin Pg Haji Besar, Dy Norhani bte Aspar, Dy Azizah bte Nawli, Dy Robiah bte Haji Md Jawi, Dato

Seri Setia Awang Haji Abdul Thani bin Muhammad, Awg Salam bin Abdul Razak.

PINGAT KERJA LAMA (POLIS)

Cpl. 189 Aking anak Ba'ang, Cpl. 246 Musa bin Haji Abd Rahman, Cpl. 1803 Abd Hamid bin Md Hassan,

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 3 - 9 April, 1985

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Rendah Kerajaan Serasa	3.4.1985	Rabu	10.00-10.30 pagi
Sekolah Rendah Kerajaan Mentiri	3.4.1985	Rabu	10.45-11.15 "
Sekolah Rendah Kerajaan Sultan Abdul Bubin Sungai Besar	3.4.1985	Rabu	11.30-12.00 t/hari
Sekolah Rendah Kerajaan Batu Marang	3.4.1985	Rabu	2.30- 3.30 petang
Sekolah Rendah Kerajaan Sungai Liang dan Lumut.	4.4.1985	Khamis	10.00-11.00 pagi
Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanah Bolkhiah	4.4.1985	Khamis	2.30- 3.30 petang
Sekolah Rendah Kerajaan A. Hj. Md. Yusoff Katimahar	6.4.1985	Sabtu	8.30- 9.30 pagi
Penjara Jerudong	6.4.1985	Sabtu	9.45-10.45 "
Sekolah Rendah Kerajaan Mulaut	6.4.1985	Sabtu	11.00-12.00 t/hari
Sekolah Rendah Kerajaan Birau	6.4.1985	Sabtu	1.30- 2.30 petang
Sekolah Rendah Kerajaan Kiudang	6.4.1985	Sabtu	2.45- 3.45 "
Sekolah Rendah Kerajaan Lamunin	6.4.1985	Sabtu	4.00- 5.00 "
Sekolah Rendah Kerajaan Haji Md. Salleh Sungai Hanchung	8.4.1985	Isnin	8.45- 9.45 pagi
Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan	8.4.1985	Isnin	1.45- 2.45 petang
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg Menengah)	9.4.1985	Selasa	9.15- 10.15 pagi
Sekolah Rendah Kerajaan Anggerik Desa, Berakas	9.4.1985	Selasa	10.30-11.30 "
Sekolah Agama Haji Mohd Jaafar, Kampong Kiulap	9.4.1985	Selasa	2.45- 3.15 petang
Sekolah Agama Kampong Mata-Mata, Gadong	9.4.1985	Selasa	3.30- 4.00 "
Sekolah Persediaan Inggeris Sengkuring	9.4.1985	Selasa	4.30- 5.30 "

Hadiri Seminar Sistem Maklumat Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang perwakilan Brunei Darussalam baru-baru ini telah menghadiri Seminar Sistem Maklumat Islam yang berlangsung selama tiga hari di Institut Teknologi Mara, Kuala Lumpur.

Mewakili negara ini ialah Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin dan Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Awang Haji Alias bin Pengarah Haji Jalil.

Brunei Darussalam menghadiri seminar itu atas undangan Institut Teknologi Mara.

Atendan Letak Kereta hadiri kursus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Beberapa orang Atendan Letak Kereta Pejabat Lembaga Bandaran kumpulan keempat kini sedang mengikuti Kursus Perhubungan Awam dan Peningkatan Mutu Perkhidmatan sejak Isnin lepas.

Kursus tersebut akan berjalan selama enam hari di Dewan Perkumpulan Rumah Persinggahan Kerajaan, Pejabat Lembaga Bandaran di ibu negara.

Penceramah-penceramah dalam kursus itu terdiri dari pegawai-pegawai Unit Latihan dan lain-lain Jabatan Kerajaan.

KELUARAN KHAS SEMPENA HARI PERHUTANAN SEDUNIA



ARBORETUM bertempat di Sungai Liang. Ini adalah salah satu pemandangan kawasan hutan yang terdapat di tempat tersebut. Pondok-pondok dan kemudahan yang tertentu juga disediakan bagi keselesaan orang ramai yang berkunjung ke sana.

SAMBUTAN Hari Perhutanan Sedunia adalah perkara baru bagi kita di Brunei sebab Jabatan Perhutanan hanya meraikan hari tersebut mulai tahun 1983. Hari Perhutanan Sedunia ini telah dianjurkan oleh anggota pertubuhan 18 negara dalam European Confederation of Agriculture (ECA) pada bulan Oktober 1971 di Sepanyol (Spain).

Pemikiran ini diambil setelah menyedari bahawa peranan perhutanan kepada manusia bukan hanya setakat sumber kayu-kayuan bahkan ianya memainkan peranan yang penting dalam perlin-

dungan alam sekitar, bekalan air, menseimbangkan hawa iklim di sekeliling kita dan mengelakkan kerosakan yang disebabkan bencana alam seperti air bah, tanah runtuh, hakisan tanah dan sebagainya.

Perkara ini telah disorkan kepada persidangan FAO yang berlangsung pada November 1971 dan telah disokong dengan sepenuhnya. Dengan sokongan tersebut, Hari Perhutanan Sedunia pertama telah diraikan pada 21 Mac 1972 di seluruh dunia terutama sekali di Negara Benua Eropah.

Antara kegiatan-kegiatan yang diadakan pada hari tersebut adalah kegiatan

kegiatan yang melambangkan pembangunan, sosial dan penghasilan perhutanan menyertai penanaman pokok-pokok di kawasan awam, setem-setem khas, penyebaran melalui sebaran am mengenai dengan perhutanan, mengadakan pameran hasil-hasil hutan, lawatan ke pusat penyelidikan dan berkelah/berkunjung di tempat kawasan hutan selesa dan yang lebih menarik ialah mengadakan sukan yang berunsurkan kegiatan yang dilakukan dalam hutan.

Dengan semangat yang tinggi serta kerjasama yang erat, Hari Perhutanan pertama di Brunei telah dijalankan dengan jayanya. Hari Perhutanan Sedunia mula disambut di negara ini pada tahun 1983 dengan

Penggunaan hasil hutan diseimbangkan dengan perkembangan semasa

hasrat sambutan tersebut dapat diperluaskan serta ditumpukan kepada kegiatan-kegiatan Jabatan Perhutanan khususnya.

Hari Perhutanan Sedunia di Brunei pada tahun 1983 telah disusuli dengan mengadakan sukan yang dianjurkan bersama oleh ahli-ahli Persatuan Pegawai dan Kakitangan Jabatan Perhutanan (PEKATAN) dan penguasa-penguasa kilang papan di seluruh negeri di Pekan Tutong pada 27 Mac, 1982. Beberapa acara telah pun diaturkan seperti pertandingan pameran papan cantik (dari kilang), mengolek balak, memotong balak dengan gergaji dan sebagainya.

PERHUTANAN DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Sejumlah 468,970 atau 80.6 peratus daripada keseluruhan keluasan negara ini masih ditumbuhi hutan dan hanya 38.8% sahaja yang diisytiharkan sebagai kawasan hutan simpanan. Memandangkan sebahagian kecil saja kawasan yang mempunyai hasil utama yang berpotensi 'potentially productive forests' beberapa usaha telah dirancang untuk pengeluaran hasil yang boleh dinikmati berpanjangan ke tahap yang terupaya oleh sumber hutan yang ada.

Kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh Jabatan Perhutanan adalah berdasarkan kepada Dasar Perhutanan 1951 di mana ianya dilaksanakan bagi pengurusan, sosial dan pembangunan dalam jurusan perhutanan.

a) Pengurusan Hutan

Sumber hutan yang dahulunya difikirkan akan dapat dikekalkan untuk jangka masa beratus-ratus tahun sekarang telah disedari bahawa kedudukan itu sudah tidak dapat dipertahankan lagi berikutan dengan kewujudan sosio-ekonomi dan pembangunan fizikal. Seandainya, penerokaan hasil hutan berterusan, bekalan sumber semula jadi ini hanya akan mengambil masa yang

Gambar-gambar ihsan Pejabat Hutan

pendek, kira-kira 40 tahun untuk pupus.

Kewujudan berterusan sumber hutan ini banyak bergantung kepada corak perubahan sosio-ekonomi dan pembangunan fizikal negara, menyebabkan persoalan pengurusan hutan menjadi semakin kompleks dan mengalihkan kita kepada satu pengurusan yang berkonsep multidisiplinari bagi mengim-

bangi perlanjutan hasil sumber dengan perkembangan semasa. Berdasarkan kepada isu-isu yang dihadapi, pengurusan hutan di Negara Brunei Darussalam, diuruskan dengan matlamat yang pragmatic bagi memenuhi kehendak-kehendak semasa dengan:

1. Mengurangkan hutan-hutan secara berkekalan 'sustained yield' bagi menampung pembekalan kayu-kayuan yang mencukupi untuk kegunaan dalam negara.
2. Mengusahakan hasil hutan secara sistem 'polycyclic' iaitu pengurusan tebang memilih bagi maksud memendekkan jangka tebang kedua dalam usaha melanjutkan secara berterusan sumber hutan kepada 40 tahun pusingan.
3. Memulihkan hutan yang sudah ditebang hasil, melalui proses kaedah silviculture (sains perhutanan) bagi membantu pokok-pokok baki pilihan untuk tebang kedua.
4. Mengecualikan hutan untuk tujuan pemeliharaan dan perlindungan bagi kestabilan alam sekitar, pemeliharaan tanah, pengurusan kawasan tadahan air, hidupan liar dan keindahan alam semula jadi.

5. Membangun dan mengembangkan potensi hutan-hutan yang difikirkan patut dikembangkan sebagai kawasan rekreasi semasa dengan keperluan ramai.

b) Perubahan Dalam Negeri

1. Kilang papan

Pada masa ini terdapat sebanyak 27 kilang papan seluruh negara. Kilang-kilang ini merupakan kilang-kilang yang mengeluarkan papan yang sedikit jika dibandingkan dengan kilang-kilang papan yang terdapat di rantau ini. Kesemua kilang-kilang papan telah pun memakai meja gergaji dan gergaji bulat ke gergaji golong. Walaupun demikian, pengeluaran papan dari kilang adalah mencukupi bagi memenuhi kehendak penduduk tempatan. Di samping itu harga papan di negara ini adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan harga papan di negara-negara lain.

Usaha ke arah membailu mutu kayu yang kurang digunakan sekarang sedang dijalankan dengan menggalakkan pihak swasta mendirikan logi pengawetan pengeringan papan dan lain-lain jenis kilang yang boleh diperkembangkan serta diusahakan mengikut keadaan semasa. Pada tahun 1984, 65,375.7 tan (3,168,780 cu. ft) papan telah dikeluarkan di seluruh negara. Negara ini juga dapat membekalkan kayu bakau bagi keperluan pemborong tempatan berjumlah sebanyak 152,480 batang.

2. Pembalakkan

Sebanyak 28 kawasan permit dan lesen telah pun dikeluarkan kepada pengusaha-pengusaha kilang papan. Dalam tahun 1982, kawasan permit dan lesen telah mengeluarkan sebanyak 112,957.4 tan (5,647,870 cu. ft) kayu balak dan kesemua balak-balak ini telah dipotong dalam kilang masing-masing.

Lihat muka 24



INI ialah kawasan "Matau" tempat penaruhan balak-balak di kawasan hutan pembalakan.



KENDERAAN yang membawa balak ke kilang ini sedang diperiksa oleh salah seorang pegawai Pejabat Hutan.

DALAM tahun 1973, Mesyuarat Kajicuaca Dunia (World Meteorological Community) telah merayakan 100 tahun kerjasama kajicuaca antarabangsa. Satu abad sebelum tarikh tersebut, Kongres Antarabangsa Pertama diadakan di Vienna dan Pertubuhan Kajicuaca Antarabangsa (IMO) telah ditubuhkan. Dalam tahun 1951 pertubuhan tersebut telah digantikan dengan sebuah badan antara Kerajaan dikenal sebagai Pertubuhan Kajicuaca Dunia (WMO).

Konvensyen WMO pada mulanya diadakan pada 23 Mac 1950 dan tarikh inilah yang telah diraikan setiap tahun sejak 1961 sebagai Hari Kajicuaca Antarabangsa (WMD).

Bersempena dengan peristiwa ini Kongres WMO telah menyenaraikan agar semua ahli pertubuhan itu berusaha untuk menengahkan kepentingan kajicuaca kepada perhatian semua orang yang berkenaan. Satu tema khusus telah digubah setiap tahun dan tema untuk tahun 1985 ialah "Kajicuaca dan Keselamatan Umum." Tema ini mencakup bidang yang amat luas. Tidak ada aktiviti manusia yang tidak memerlukan peranan-peranan penting cuaca. Oleh yang demikian, manusia secara berterusan ditempatkan dengan risiko menghadapi keburukan cuaca yang berbagai jenis. Contohnya ialah seperti cuaca yang terlalu panas dan terlalu sejuk, hujan yang berlebihan, angin yang mengganas, kilat petir dan ribut taufan.

MELINDUNGI

Perkhidmatan-perkhidmatan Kajicuaca dalam sesebuah negeri mempunyai tugas penting untuk melindungi orang ramai daripada sebarang kesan cuaca buruk. Tugas ini dijalankan dengan cara menyediakan ramalan-ramalan atau amaran-amaran mengenai keadaan-keadaan yang tidak digemari atau yang membahayakan dan juga menyediakan 'input' kepada perancangan tindakan-tindakan penghindaran yang perlu. WMO, mempunyai peranan bagi meningkatkan dan menggalakkan berbagai aspek aktiviti-aktiviti tersebut dan menyediakan kerjasama meluas dunia di antara negeri.

Negara Brunei Darussalam telah memasuki WMO pada 26 Disember 1984 dan sebagai ahli yang terbaru pertubuhan antarabangsa ini, ia sekarang mempunyai hak untuk mengambil bahagian dalam berbagai aktiviti yang bersesuaian dengan keperluan-keperluan negara.

RAMALAN

Tema WMD 1985, 'Kajicuaca Dan Keselamatan Umum' adalah benar-benar sesuai bagi Brunei Darussalam. Telah lama sudah ada peranan yang ditetapkan bagi kajicuaca dalam hubungannya kepada keselamatan nyawa di laut dan di udara, kerana dalam

RAMALAN CUACA SEMAKIN DIMINATI

(Gambar-gambar oleh Masniah MS)

elemen-elemen tersebut, manusia adalah bergantung kepada keadaan cuaca lebih daripada jika mereka berada di atas daratan. Menyediakan ramalan-ramalan mengenai penerbangan naik (takeoff), penerbangan singgah, dan penerbangan mendarat bagi pesawat-pesawat yang terbang dari Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei adalah satu tugas penting yang dijalankan oleh Perkhidmatan Kajicuaca Brunei. Selain daripada ramalan-ramalan cuaca biasa, amaran-amaran mengenai sebarang keburukan cuaca yang dijangkakan di lapangan terbang ada juga disediakan bagi kegunaan pemandu-pemandu kapal terbang.

Satu projek baru yang akan dikelolakan oleh Perkhidmatan Kajicuaca Brunei ialah pembinaan sebuah pejabat pemerhati di Muara. Pejabat ini akan dikendalikan kesemuanya oleh pemerhati-pemerhati terlatih yang pada masa ini ditugaskan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. Tujuan utama projek tersebut ialah untuk menyediakan jangkaan yang tepat mengenai keadaan laut dan mengeluarkan

amaran-amaran yang sebahagian besarnya untuk faedah kapal-kapal kecil seperti bot-bot penangkap ikan di perairan yang tidak dalam di kawasan mana lautan tidak tenang dijangkakan. Satu faedah lain projek ini ialah untuk mendapatkan satu gambaran yang lebih baik mengenai pembahagian hujan dan perbandingannya di dua kawasan yang berlainan dalam negeri.

Jumlah dan bentuk hujan di Muara selalunya berbeza dari yang diperhatikan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. Mengumpulkan data yang sedemikian tidak syak lagi adalah bantuan yang berguna kepada peramal-peramal cuaca lebih-lebih lagi apabila meramalkan keadaan laut.

MAKLUMAT

Satu aspek lain mengenai Kajicuaca dan Keselamatan Umum ialah untuk membolehkan orang ramai setiap hari mendapat maklumat mengenai cuaca, ramalan-ramalan cuaca dan amaran-amaran yang dikeluarkan oleh Perkhidmatan Kajicuaca Brunei. Ini dilakukan melalui radio, televisyen dan sekali-sekala ada juga melalui media lain seperti surat-khabar. Perkhidmatan Kajicuaca Brunei telah pun menyediakan ramalan-ramalan cuaca untuk siaran radio sejak September, 1982. Ramalan-ramalan cuaca ini dibaca setiap hari di sebelah pagi, di awal tengah hari dan di sebelah petang, selalunya selepas siaran-siaran warta berita.

Ramalan cuaca melalui siaran televisyen telah dimulakan pada 22 Februari 1985 sempena awal Perayaan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam. Ramalan cuaca dihebahkan setiap hari selesai saja siaran-siaran Warta Berita Televisyen dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Ia telah disediakan dengan sedemikian rupa ialah untuk memberikan sebanyak mungkin maklumat yang terperinci mengenai cuaca kepada orang ramai. Mungkin tidak salah untuk dikatakan bahawa kemuncak atau 'highlight' kepada program itu ialah apabila disiarkan gambar-gambar

satelit di kaca televisyen. Gambar yang ditunjukkan ialah yang diterima pada jam 5.00 petang setiap hari oleh Perkhidmatan Kajicuaca Brunei dan gambar-gambar itu dibesarkan ke ukuran yang terbesar mungkin. Ini membantu memperlihatkan secara terperinci pembahagian mendung dan pengumpulannya di atas kawasan Negara Brunei Darussalam dan persekitarannya yang terdekat. Mendung-mendung diperlihatkan oleh kawasan-kawasan putih yang berlatar belakang hitam yang merupakan kawasan-kawasan cerah di laut dan darat. Gambar-gambar ini telah diambil oleh Geostationary Satellite kepunyaan Jepun dan gambar-gambar tersebut kemudiannya di proses di stesen bumi di Tokyo, di tempat mana peta-peta geografi dan garis latitude dan longitude di buhuk ke atasnya. Gambar-gambar tersebut dipancarkan balik kepada satelit yang kemudiannya memancarkan kesemua stesen-stesen penerima. Stesen-stesen ini ialah seperti yang ada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei yang menerima gambar-gambar melalui antena dan hasilnya ditunjukkan di monitor jenis televisyen dan juga dalam bentuk salinan-salinan di atas kertas khas.

GAMBAR

Bergantung kepada tujuan dan keperluan-keperluan peramal cuaca, ukuran kawasan yang ditunjukkan dalam gambar tertentu mungkin berbeza-beza. Perbezaan-perbezaan ini mungkin daripada keseluruhan 'global disk' hinggalah kepada sebahagian kecil Borneo sahaja. Pilihan-pilihan lain termasuklah gambar-gambar yang meliputi semua destinasi Diraja Brunei dan sebuah gambar pulau Borneo yang berasingan. Sudah tentunya menjadi minat kepada orang ramai untuk melihat gambar-gambar satelit menunjukkan ribut taufan di Lautan Pasifik dan Laut China Selatan. Apabila kejadian tersebut berlaku, pembesaran gambar yang dipilih bagi siaran ramalan cuaca televisyen, akan memasukkan kawasan-kawasan ribut taufan dan berita mengenai kemajuannya. Di samping gambar satelit, bahagian utama ramalan cuaca tersebut disiarkan dalam tiga bahagian berlainan yang meliputi waktu-waktu malam, pagi dan tengah hari berikutnya. Lambang-lambang untuk cuaca telah dipilih dengan hati-hati untuk memastikan dengan jelasnya cuaca yang dijangka wujud di tiga rantau atau bahagian 'off-shore' atau

laut, kawasan pantai bahagian dalam negeri.

Ramalan cuaca elev nampaknya telah mengi kan banyak minat di kala orang ramai yang men dan adalah diharapkan masa ke semasa minar akan kekal dan bertumb

Satu lagi alat bantu ramalan cuaca di Brunei Radar Amaran Ribu (S Warning Radar). Alat menyediakan maklu secara terperinci meng mendung dan justeru adanya ribut dan hujan akan turun walau se Melalui radar ini kita memerhatikan bagaim ribut itu berkembang pergerakannya boleh di Kita juga boleh melihat mendung-mendung itu bentuk-bentuk asasnya yang demikian, kita punyai cara tamba bagaimana untuk men potensi hujan yang didapati daripada kump mendung yang tertentu. jur juga Negara Br Darussalam tidak terla laluan taufan-taufan ribut besar tropika. W begitu adakalanya juga hujan yang lebat walau d jangka masa yang pendel sinilah radar amaran ribu boleh dihargai.


Oleh itu, ada bersesuaian di kala mem ingati Hari Kajicuaca D ini dan bagi mempertahankan temanya, "Kajicuaca Keselamatan Umum" mengetengahkan kep umum berbagai o bagaimana Perkhidm Kajicuaca Brunei cuba u mencapai matlamat matlamat tema seperti itu



PEGAWAI Peramal Kajicuaca, Abdul Kadir Tengah sedang melihat maklumat yang dihantar oleh salah sebuah mesin yang juga digunakan dalam kajian cuaca.



CONTOH gambar kajicuaca untuk ramalan yang diambil oleh satelit. (Gambar ehsan Jabatan Penerbangan Awam Negara Brunei Darussalam).



'MUFEX' salah satu alat kajicuaca yang digunakan oleh Jabatan Penerbangan Awam. Laporan melalui mufex diterima dari Darwin.

Keluaran khas sempena Hari Pertubuhan Kajicuaca Dunia pada 23 Mac, 1985

PESTA SUKAN MERDEKA PUPUK SEMANGAT PERPADUAN ASEAN

MOTO yang dihasratkan dari Pesta Sukan Merdeka pada mengeratkan perpaduan di kalangan negara anggota ASEAN dibuktikan oleh kesemua ahli sukan dari enam negara di hari terakhir dan penutup sukan antarabangsa kali pertama.

Lebih 1,000 orang ahli sukan yang datang berkumpul dan berpegangan tangan, menari dan bernyanyi bersama di tengah padang sejurus penutupan rasmi dilakukan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri

Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkih selaku Yang Dipertua Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Persahabatan yang dijalin menerusi pertandingan selama lapan hari itu dapat memupuk perpaduan dan rasa persaudaraan melalui sukan dan para peserta juga menyedari bahawa di bahu mereka terletak 'hasrat negara masing-masing' dalam menuju matlamat bernegara, bersahabat dan menghormati.

Sejurus upacara penutup, obor yang bernyala sejak 24 Mac lepas selama berjalannya sukan negara perlahan-lahan menghilangkan diri menandakan tamatnya kejohanan Pesta Sukan Merdeka.

Nyalaan obor yang kian padam tidak pula melenyapkan rasa persaudaraan yang dijalin antara mereka. Meskipun di antara mereka berlainan bangsa, ugama, tata-susila dan adat istiadat kehidupan dan bernegara tetapi telah dapat disatukan melalui satu proses hormat-menghormati yang diperolehi melalui pertandingan sukan ini.

Kalah atau menang memang adat bertanding. Tetapi semua itu tidak memberi makna jika dibandingkan dengan jalinan rasa persaudaraan, eratnya perpaduan dan timbulnya perasaan

hormat-menghormati di kalangan mereka.

Dan ke arah pemupukan semua ini, kejohanan Pesta Sukan Merdeka berjaya dalam menanai hasratnya 'pada mengeratkan lagi ikatan perpaduan dan persaudaraan di kalangan negara-negara anggota ASEAN'.

Tahniah! Pertama kerana kita mampu menganjurkan untuk kali pertama sukan bertaraf antarabangsa dan kedua negara Brunei Darussalam berjaya memupuk pertalian erat di kalangan negara peserta tanpa membabitkan taraf sosial dan politik negara masing-masing. — MHAR.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkih memotong pita sebagai tanda berakhirnya Pesta Sukan Merdeka.



Liputan: Manap Rahman, Jaafar Haji Ibrahim, Aisah Plee, Ahat tsmail, Abd Karim HAB, Zubaidah HS, Johari HAL dan Haniza Abdullah.

Gambar: Haji Sharbini, Ak Abu Bakar, Harun Rashid, Rabae Sabli dan Ramli Tengah.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkih juga telah berkenan menyampaikan pingat kepada pemenang perlawanan bola sepak. KELIHATAN ketua pasukan Negara Brunei Darussalam, Awang Ahmad Hj. Mohin menerima plakat iringan.



JALINAN mesra dan rasa persaudaraan yang muhibah di kalangan para peserta jelas kelihatan semasa di upacara penutup Pesta Sukan Merdeka.

Petinja-petinja kita berjaya 'Tunaikan hasrat'

HARAPAN negara untuk mengutip pingat dalam acara tinju berhasil bilamana enam petinju negara berjaya 'menunaikan hasrat' dan idaman tersebut dengan memperolehi tiga pingat perak dan tiga pingat gangsa.

Dan jangkaan bahawa acara tinju pasti akan memberikan pingat tidak meleset.

Jangkaan yang pernah dibuat oleh jurulatih tinju negara 'pasti' akan mengutip pingat tetapi bukan pingat emas adalah nyata.

Dan Penolong Jurulatih, Awang Yusof Ismail juga pernah menyatakan keyakinannya bahawa pingat-pingat untuk acara tinju akan diperolehi melalui petinju-petinju veteran negara.

Tiga pingat perak yang diperolehi sememangnya dari tiga petinju veteran negara, Jamaeh Durani. Ak Abdul Rahman dan Bungsu Piut, sementara pingat gangsa datangnya dari Ismail Ali, Abu Bakar Piut dan petinju baru, Md Shahrul Abdullah.



Bungsu Piut berhasrat mengutip pingat emas sekali lagi terpaksa berhadapan dengan petinju Filipina, Leopoldo Cantancio yang pernah menumbangkan beliau sebelum ini di Manila.

Jika di Manila beliau dijatuhkan di pusingan kedua, peristiwa itu berulang lagi tetapi kali ini Bungsu bukan pula ditumbangkan tetapi pengadil memberhentikan perlawanan akibat kecederaan yang dialaminya sebelum perlawanan akhir.

Ak. Abd Rahman dan Jamaeh Durani dikalahkan dengan kiraan mata untuk pingat perak.

Ak. Abd Rahman tewas kepada petinju Thailand, Sontorn Hiruno Tok dalam acara bantamweight dan Jamaeh Durani pula kalah

kepada petinju dari Indonesia, Sonny Arwan dalam light welterweight.

Sementara petinju yang dijangka mengutip pingat emas atau perak, Ismail Ali bagaimanapun ditewaskan oleh Suriya Awlueknai, Thailand dengan kiraan mata bagi kutipan pingat gangsa saja.

Abu Bakar Piut juga tewas dengan kiraan mata kepada petinju Indonesia, Apeles Letty dalam acara Featherweight dan Md Shahrul Abdullah menerima pukulan Ko dari petinju Teko Lewaherilla, Indonesia.

Sementara dua petinju negara, Bolkih Othman dan Damit Haji Sulaiman gagal melayakan diri ke pusingan akhir.

Bolkih Othman dikalahkan oleh petinju Thailand, Tananchai Cwangswang dalam flyweight dan Damit Hj. Sulaiman pula terpaksa mengaku kalah kepada petinju handalan Singapura, Mohd. Mukhlis dalam bahagian welterweight.

PESTA SUKAN MERDEKA 1985 — KEDUDUKAN PINGAT-PINGAT HARI TERAKHIR

NEGARA	EMAS	PERAK	GANGSA	JUMLAH
FILIPINA	20	8	8	36
INDONESIA	18	20	13	51
THAILAND	11	13	13	37
MALAYSIA	11	12	14	37
SINGAPURA	1	1	14	16
BRUNEI DARUSSALAM	—	7	5	12

SKUAD KITA GAGAL REBUT PELUANG AKHIR

NEGARA Brunei Darussalam gagal merebut peluang terakhir untuk mendapatkan pingat emas menerusi acara bola sepak bila pasukan negara tewas kepada Singapura di pertandingan akhir.

Dan keputusan rebutan pingat emas itu pula ditentang dengan caira yang paling pahit dan kejam melalui 'tendangan penalti' setelah keduanya seri sehingga tamabahan masa.

Ribuan penonton dan penyokong yang membanjiri stadium untuk menanti raihan pingat emas untuk negara tuan rumah begitu sakit menyaksikan tewasnya Brunei Darussalam dengan tendangan 4 - 2.

Bila saja Faisal gagal menembusi gawang diikuti oleh Jaafar Sulong menendang tinggi, seolah-olah redup suasana gamat stadium.

HERO

Tetapi yang menjadi hero atas kejayaan Singapura merebut pingat emas tunggal untuk negaranya ialah penjaga gol, Abd Malek yang dengan bergaya me-

nyelamatkan dua tendangan penalti dari Zainuddin dan Faisal.

Keputusan melalui tendangan penalti ini adalah buat kali kedua untuk negara tuan rumah. Di separuh akhir menentang Malaysia, Brunei Darussalam berupaya meluluskan diri menempah tiket ke pertandingan akhir.

Tetapi di saat genting dalam pergelutan untuk meraih pingat emas, nasib baik tidak menyebelahi pasukan negara dan terpaksa berpuas hati dengan raihan pingat perak.

Ribuan penonton yang hampir memenuhi stadium dengan gegak-gempita sorakan dan sokongan seperti yang berlaku di peringkat separuh akhir tidak sedikit pun menjejaskan rentak permainan Singapura.

Malah ada ketikanya mereka bermain lebih baik dari pasukan kebangsaan negara. Mungkin tanggungjawab yang diberikan kepada mereka untuk membawa pingat emas tunggal ke Singapura menjadi semangat dan penawar menghindari rasa takut dengan gegaran itu.

KEKERINGAN

Sehingga masa tamat dan memasuki masa tambahan, Singapura memecah 'kekeringan' gol menerusi Abdullah Nor yang melepaskan diri dari kawalan Salih untuk melepaskan rebatan kencang menewaskan Yunus Yusof.

Tetapi semangat kental para pemain kebangsaan menerima ganjaran bila pengadil memberikan tendangan percuma di luar kotak penalti dan Zainuddin dengan tenang membuat satu 'chip' cantik untuk gol penyamaan.

Kemenangan Singapura bukan saja memungut pingat emas tetapi juga memenangi piala pusingan bola sepak Pesta Sukan Merdeka yang dikurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.



SEBAHAGIAN dari para penonton yang membanjiri dan menggemakan stadium dengan sorakan dan teriakan untuk memberikan tekanan moral kepada pasukan kebangsaan.



'MAJULAH Singapura' akhirnya berkumandang sejurus selepas pasukan Singapura meraih pingat emas dalam acara bola sepak. Kelihatan barisan pemain dengan kalungan pingat emas menjulang piala rebutan kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Pasukan kita kecewa

bergu dengan kiraan 10 - 21 dan 14 - 21. Sementara pasangan bergu Haji Mohd Hamdi dan Embran Abd Halim ditewaskan oleh pasangan Herson Go dan Michel Ngo dari Filipina 11 - 21 dan 9 - 21.

Pada keseluruhannya negara Indonesia dengan mudah sahaja mengecewakan kelima buah negara peserta untuk merangkul semua pingat emas dalam acara ping pong berpasukan, perseorangan dan bergu lelaki di sepanjang pesta sukan itu.

Kehandalan pasukan itu berlagak di meja ping pong menyebabkan pasukan lawan agak sukar untuk menumpaskan mereka meskipun pasukan itu menerima tentangan yang hebat.

Dalam acara berpasukan Indonesia berjaya menewaskan Brunei 5 - 0, Filipina 5 - 2, Singapura 5 - 1 dan Thailand 5 - 0.

Di peringkat akhir perseorangan Haryono In-

donesia menewaskan Fabian Fadli juga dari Indonesia 21 - 19, 21 - 18 dan 21 - 16. Tempat kedua dimenangi oleh negara Thailand setelah menewaskan Singapura 21 - 19, 21 - 19, 21 - 11 dan 21 - 14.

Dalam bahagian bergu pula pasangan Haryono dan Fabian dapat menewaskan

pasangan Herson Go dan Micheal Ngo dari Filipina di peringkat akhir perlawanan mereka dengan kiraan 21 - 16 dan 21 - 15.

Dengan corak persembahan yang baik itu Indonesia dapat menggondol tiga pingat emas dan satu perak dan satu gangsa di kesemua bahagian acara ping pong - JOE.



SELEPAS lagu kebangsaan Negara Indonesia dikumandangkan, juara ping pong berpasukan Indonesia mengangkat kedua tangan peserta Thailand dan Singapura sebagai tanda kemenangan.



FAISAL cuba mengelecek lawannya. Kawalan ketat yang diberikan kepada beliau menyukarkannya untuk membuat gerakan.



BERJAYA Dengan megah penjaga gol Singapura, Abd. Malek menyelamatkan tendangan Faisal.

BUAT beberapa kalinya pasukan negara kita dikecewakan untuk memenangi sebarang perlawanan sama ada di peringkat berpasukan, perseorangan mahupun di peringkat bergu ping pong di sepanjang Pesta Sukan Merdeka.

Segala impian pasukan negara kita bagi menempah tiket masuk ke peringkat akhir acara ping pong berpasukan, perseorangan dan bergu lelaki begitu tipis apabila mereka ditumpaskan berturut-turut di tiga acara tersebut.

Dalam bahagian berpasukan negara kita dilumpuhkan dalam lima pusingan tanpa balas oleh lima buah negara peserta.

Kekalahan itu, kita warisi kembali dalam acara perseorangan apabila Cheng Eng Kian ditewaskan dalam tiga set perlawanan di tangan Teo Beo Lim Singapura 14 - 21, 6 - 21 dan 7 - 21. Hung Kim Hu pula menerima nasib yang sama ketika bertemu dengan Eustaquio Filipina 10 - 21, 7 - 21 dan 8 - 21.

Harapan kita untuk menebus semula kekalahan di dua acara itu menerima kegagalannya apabila pasangan Hung Kim Hua dan Cheng Eng Khen ditumpaskan oleh pasangan Thailand Anusorn dan Vichai Limpisrivanich dalam acara



ABD. Mumin Mohd. Amin ketika beraksi menentang Cheong Jyy Jang dari Malaysia dalam acara berpasukan.



MALAYSIA LAYAK MENANG

PENGUASAAN Malaysia dalam permainan hoki setakat ini belum lagi tergugat dan adalah selayaknya mahkota emas itu jatuh kepangkuan mereka apabila memenangi kesemua perlawanan-perlawanan di Pesta Sukan Merdeka.

Malaysia pada keseluruhannya membariskan pemain-pemain berpengalaman yang sering mewakili negara dalam kejohanan antarabangsa, begitu mudah menundukkan setiap lawannya.

Negara-negara yang menyertai acara ini semuanya

kecundang tanpa memberikan tentangan sengit. Sepanjang perlawanan tersebut, Malaysia membelasah teruk Indonesia 9-0, Thailand 6-0, Brunei Darussalam 7-1 dan Singapura 4-0.

Dengan kemenangan itu Malaysia memperolehi lapan mata melalui empat perlawanan tanpa kalah dan selanjutnya merangkul pingat emas.

Singapura beroleh pingat perak setelah mendapat lima mata melalui empat perlawanan dengan memenangi dua perlawanan iaitu menewaskan Thailand

3-2, Indonesia 3-1, seri dengan Negara Brunei 1-1, tewas kepada Malaysia 4-0.

Pingat gangsa dimenangi oleh Thailand apabila menewaskan Negara Brunei Darussalam 3-0, seri dengan Indonesia 1-1, kalah kepada Singapura 3-2 dan kalah lagi kepada Malaysia 6-0.

Negara Brunei Darussalam yang memang dijangkakan sukar untuk meraih sebarang pingat, hanya mampu seri 1-1 dengan Singapura dan tewas kepada Malaysia 7-1, kepada Thailand 3-0, kepada Indonesia 2-0. — J-1.



BARISAN pemain hoki Singapura yang berjaya meraih pingat perak menerima hadiah mereka dari YAM Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrain, Menteri Undang-Undang Merangkap Menteri Perhubungan.

FILIPINA RAIH PINGAT EMAS



PASUKAN bola keranjang Filipina yang menjadi pilihan merebut pingat emas mengakhiri perlawanan dengan menewaskan pasukan Malaysia 102 berbalas 56 dalam pertandingan yang menarik di Dewan Sekolah Menengah Chung Hua malam Ahad lepas.

Dari awal permainan, kedua-dua pasukan saling mengejar melalui jaringan-jaringan pantas pemain nombor 10 Filipina, Arthur Engelland dan Jeffry Moore, pasukan negara itu berjaya meninggalkan pasukan Malaysia di belakang untuk merebut pingat emas dalam acara itu.

Sebelum ini, pasukan Filipina telah berjaya menewaskan pasukan Indonesia 114 - 65, pasukan Thailand 79 - 64, pasukan Singapura 113 - 58 dan pasukan tuan rumah Negara Brunei Darussalam 86 - 70.

Pingat perak dalam acara ini dimenangi oleh pasukan Malaysia dengan memenangi empat perlawanan dan tewas sekali di tangan pasukan Filipina.

Pasukan Singapura meraih pingat gangsa setelah memenangi empat perlawanan dan tewas sekali di tangan pasukan Filipina.

Pasukan negara tuan rumah gagal memenangi sebarang perlawanan — AKHAB.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Sidek menyampaikan pingat emas kepada peserta Indonesia yang berjaya dalam acara lumba perahu 10 orang — gambar ihsan Pusat Sejarah.

Harapan kutip emas juga berkecai

Indonesia selaku juara keseluruhan telah menerima piala pusingan yang dikurniakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul

Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiyah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan merangkap Timbalan Menteri Kewangan Negara Brunei Darussalam.



TIGA kali lagu kebangsaan Indonesia berkumandang di acara lumba perahu setelah negara tersebut menyapu bersih semua acara jempunan untuk mengumpulkan pingat emas.



SALAH satu dari tiga acara lumba perahu terbuka antarabangsa. Kelihatan para-peserta sewaktu memulakan perlumbaan.



SALAH satu perlawanan dalam acara bola keranjang antara pasukan Malaysia dan Singapura.

BRUNEI Darussalam yang mengharapkan untuk mengutip pingat emas dalam acara lumba perahu cuma mampu mendapatkan tiga pingat perak.

Kesemua acara terbuka jempunan, negara tuan rumah berada di belakang Indonesia yang meraih semua pingat emas.

Acara lumba perahu adalah antara acara yang cukup meyakinkan untuk pasukan negara meraih pingat emas. Sebelum ini acara tinju yang juga diharapkan meraih pingat emas untuk negara cuma berjaya mengumpulkan tiga pingat perak dan dua gangsa.

Harapan yang mengunung diberikan kepada pasukan lumba perahu negara untuk kutipan pingat emas adalah semata-mata bersandarkan kepada keupayaan dan kemampuan mereka dalam menyertai pertandingan-pertandingan antarabangsa sebelum ini.

Tetapi dengan hanya memenangi pingat perak adalah lebih dari memadai kerana kita kalah kepada pasukan yang lebih baik, Indonesia.

Keputusan penuh perlumbaan antarabangsa adalah seperti berikut: 20 pekayuh jempunan: Indonesia (4:14.65); Brunei Darussalam (4:20.19) dan Malaysia, (4:42.70).

15 pekayuh jempunan: Indonesia (4:20.84); Brunei Darussalam (4:32.95) dan Singapura (4:46.19); 10 pekayuh jempunan: Indonesia (4:35.14); Brunei Darussalam (4:37.43) dan Malaysia (5:00.13).

Selain perlumbaan antarabangsa jempunan, juga telah berlangsung beberapa acara lumba perahu kebangsaan termasuk 20 pekayuh antarabangsa jabatan kerajaan, 15 pekayuh bagi daerah-daerah, pertandingan persatuan dan 10 pekayuh bagi sekolah menengah dan maktab serta sektor perniagaan.

LATIHAN yang tidak mencukupi, kurangnya pendedahan dan pengalaman ditambah dengan lawan-lawan yang mahir membawa kegagalan kepada acara tenis untuk meraih sebarang pingat.

Perjalanan kita untuk ke pusingan seterusnya terbahagi

bila pemain-pemain negara ditawarkan di awal pusingan lagi.

Tetapi semangat bertanding yang ditunjukkan oleh setiap pemain tenis kebangsaan dalam menanggapi lawan yang sudah penuh pengalaman merupakan satu kejayaan yang diukur bukan

dari segi permainan.

Pembedahan mereka di Pesta Sukan Merdeka ini adalah satu langkah yang baik ke arah proses peningkatan mutu permainan tenis negara.

Filipina seperti yang dijangkakan mengutip pingat emas setelah menewaskan

Indonesia di perlawanan akhir di acara perseorangan dan bergu di tiga perlawanan dua perseorangan dan satu bergu dengan keputusan Filipina menang 2 - 1.

Perseorangan, Shahravadi mengalahkan Mahesh Telen (Filipina) dalam straight set 6 - 3, 6 - 1. Red Rafel

(Filipina) menewaskan Timus Wibowo (Indonesia) 3 - 6, 6 - 3, 6 - 3.

Bergu Perseorangan Rod Rafael dan Raymond Suter menewaskan pasangan Indonesia dalam dua set 7 - 5, 3 - 2 dan 6 - 2. H.A.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI JABATAN PERIKANAN

DI JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI

PERMOHONAN adalah di-pelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan Perikanan, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

2. PEMANDU MOTOSANGKUT (OUTBOARD)

(Bil.: 41/1985 (2)).

Tanggagaji: F. 2-3-4-5 EB. 6 — \$495-\$790 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan dan Pengalaman:

Pemohon-pemohon mestilah mempunyai pengalaman memandu Motosangkut (Outboard) selama 3 tahun dan boleh memperbaiki kerosakan-kerosakan kecil bagi jentera outboard.

Tugas-tugas:

Calon-calon yang berjaya akan dikehendaki memandu perahu-perahu berjentera dan bertanggungjawab dalam pemeliharaan harian ke atas perahu-perahu dan injin-injin tersebut. Calon itu juga akan dikehendaki memperbaiki injin-injin dan mestilah bersedia menjalankan tugas di luar waktu-waktu bekerja.

Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk berkhidmat di Stesen Perikanan, Muara.

3. PEMANDU:

(Bil.: 41/1985 (3)).

Tanggagaji: F. 3-4-5 EB. 6 — \$550-\$790 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan dan Pengalaman:

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak kurang daripada 20 tahun.

b) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai lesen memandu Kelas III dan V yang sah, mempunyai pengalaman memandu dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh memperbaiki kerosakan-kerosakan kecil.

Am:

Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk berkhidmat di mana-mana saja di dalam Negara Brunei Darussalam.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan-mohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Kedua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan bilangan iklan dan nama jawatan yang dipohon di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan yang berkenaan tidak akan dilayan.

Tarikh tutup: 15 April, 1985.

(E/246/79).

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan Radio Televisyen, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

1. PENYELIA HARTA BENDA (Bil.: 58/1985 (1))

Tanggagaji: D. 3 EB. 4-5 — \$900-\$1625 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan dan Pengalaman:

Sekurang-kurangnya berumur 25 tahun dan lulus peringkat 'O' atau yang sebanding. Sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman dalam kerja-kerja yang berkaitan dengan penerbitan dan penyiaran adalah diperlukan.

Tugas-tugas:

- Menguruskan kakitangan dan kelengkapan-kelengkapan prop untuk studio-studio TV atau rakaman luar, bagi pihak Ketua Pereka.
- Bersedia untuk bertugas pada hari-hari cuti awam.
- Berupaya mendapatkan 'Quotations' bagi pembelian-pembelian atau props services jika dikehendaki demikian oleh Penerbit (Requisition Form atau Memo), dan memprosesnya bagi memperoleh bahan-bahan selalunya melalui Ketua Pereka kepada Pegawai yang membenarkan.
- Mengambil bahagian dalam preproduction planning meeting' bila diperlukan.
- Memastikan inventory yang teratur ada tersimpan bagi semua stor-stor.
- Mengawas dan melaksanakan aliran dan pemeliharaan prop-prop dengan cara yang efficient dan berkesan.
- Mencatat dan merekod semua bahan-bahan yang dikeluarkan. Juga meneliti selepas ianya digunakan dan dikembalikan. Me'aporkan kepada Ketua Pereka bagi sebarang kehilangan atau kerosakan untuk makluman Penyelenggara Stor.

2. PEMAIN MUZIK (Bil.: 58/1985 (2))

Tanggagaji: D. 3-4 EB. 5 — \$900-\$1625 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan dan Pengalaman:

Mempunyai kelulusan akademik sekurang-kurangnya di peringkat Sekolah Melayu. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu. Pengetahuan dalam Bahasa Inggeris adalah merupakan satu kelebihan.

Mempunyai pengalaman luas yang terbukti dalam bidang muzik dan sekurang-kurangnya berpengalaman penuh bermain muzik selama 5 tahun dalam kumpulan pancaragam. Boleh membaca nota muzik. Kebolehan menyalin dan membuat susunan muzik adalah satu kelebihan.

Kelulusan iktisaf yang diiktiraf dalam bidang seni muzik (Theory dan Praktikal) adalah merupakan satu lagi kelebihan.

Tugas-tugas:

Sebagai Ahli Kombo RTB dan bertanggungjawab kepada Ketua Pemain Muzik. Bertugas untuk membantu SPU Pemain Muzik bagi menyediakan nota, menyalin dan membuat susunan muzik untuk rancangan-ancangan radio dan televisyen atau mana-mana rancangan luar seperti diarah semasa ke semasa. Bermain mana-mana alat muzik yang bersesuaian dan boleh mencipta lagu-lagu jika diperlukan. Bersedia bertugas pada bila-bila masa atau di sebarang tempat menurut keperluan.

Di Jabatan Radio dan Televisyen, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan Radio dan Televisyen, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

1. PENULIS SKRIP/PENOLONG SKRIP

(Radio — Bahagian Inggeris) (Bil.: 38/1985 (1))

Tanggagaji: C. 1-2 EB. 3 — \$1280-\$2270 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

Tingkatan V Inggeris dengan 3 kelulusan Peringkat 'O'. Mempunyai pengalaman dalam menulis skrip-skrip untuk radio diperlukan dan pengetahuan dalam teknik-teknik penerbitan radio. (Contoh-contoh skrip yang ditulis oleh calon mestilah disertakan). Mestilah mempunyai pengetahuan dalam Bahasa Inggeris yang cukup baik dan boleh mengerti Bahasa Melayu. Calon-calon yang mempunyai hasil tidak kurang dari 6 karya yang telah disiarkan di radio dan yang mana hasil-hasil karya mereka didapati mencapai taraf yang diiktiraf bermutu tinggi tanpa mengandungi kelayakan akademik boleh juga dipertimbangkan.

Tugas-tugas:

Menyediakan dan, jika perlu, menulis semula skrip-skrip yang disediakan untuk Bahagian Inggeris Radio Brunei dari penyumbang-penyumbang luar. Juga menyumbang skrip-skrip asal untuk drama, rancangan-ancangan penerangan atau majalah. Menuis bahan-bahan untuk publisiti dan kemajuan rancangan-ancangan.

2. PENOLONG PENERBIT TINGKAT I (Televisyen)

(Bil.: 38/1985 (2))

Tanggagaji: D. 3-4 EB. 5-6 — \$900-\$1785 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

Lulus GCE 'O' Level Inggeris atau Melayu atau kelulusan akademik yang sebanding dengannya. Kebolehan menaip dengan kelajuan 25 psm dan trengkas, serta pernah menyertai sebarang penganan Televisyen dan mempunyai minat yang mendalam adalah satu kelebihan.

ATAU

Calon-calon yang dapat membuktikan kerja yang baik dalam bidang tugas-tugas penerbitan rancangan TV dan telah berkhidmat selama 3 tahun atau lebih, boleh dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat.

Tugas-tugas:

Membantu kerja-kerja Penulis Skrip di bidang penerbitan rancangan-ancangan TV dan bekerjasama dengan Penerbit. Bertugas dengan Penerbit atau Pengarah di Gallery

Bersedia bermain atau bertugas semasa cuti awam menurut arahan.

3. PENOLONG SARIKATA (Bil.: 58/1985 (3))

Tanggagaji: D. 3-4 EB. 5 — \$900-\$1625 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan dan Pengalaman:

a) Mestilah lulus peringkat 'O' dan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Inggeris serta fasih menulis dan bertutur dalam Bahasa Melayu dan Inggeris. Berkeupayaan berfikir dan bertindak dengan cepat dalam suasana tegang.

b) Kebolehan dalam kerja-kerja menaip dan trengkas adalah satu kelebihan.

Tugas-tugas:

Bertanggungjawab kepada Penyelia Sarikata, menaip skrip-skrif yang diterjemahkan, menaip (merakam) ke 'memory disc', 'punching' semasa pemancaran, membuat segala taip-menaip untuk bahagian ini dan seperti yang diarahkan oleh Penyelia Sarikata.

4. PENOLONG SUSUNAN RANCANGAN

(Bil.: 58/1985 (4))

Tanggagaji: D. 3-4 EB. 5 — \$900-\$1625 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan dan Pengalaman:

Mempunyai latarbelakang pelajaran yang baik, sebaiknya mencapai Tingkatan V aliran Inggeris. Berkeupayaan bekerja dengan cepat dan teliti dalam suasana tegang. Pengalaman dalam kerja-kerja perancangan atau dan persembahan televisyen merupakan satu kelebihan.

ATAU

Tingkatan III Melayu atau Inggeris dengan sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman di RTB dalam menyusun rancangan-rancangan TV dan kebolehan yang terbukti dalam tugasnya.

Tugas-tugas:

Bertanggungjawab kepada Pengurus Persembahan dan Perancangan dalam menyediakan jadual-jadual rancangan-ancangan harian dan juga menyediakan segala maklumat yang diperlukan untuk juruhebah-juruhebah yang bertugas termasuk mengaturkan waktu yang tepat.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan-mohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Kedua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan bilangan iklan dan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan yang berkenaan tidak akan dilayan.

Tarikh tutup: 15 April, 1985.

(E/469/76).

Pemberitahuan Tawaran Jabatan Adat Istiadat Negara

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.00 tengah hari pada 15 April, 1985 bagi membekalkan Alat-Alat Kebesaran.

Contoh-contoh dan butir-butir lanjut boleh didapati dari Jabatan Adat Istiadat Negara, Negara Brunei Darussalam pada bila-bila masa waktu bekerja Pejabat dibuka.

Tawaran-tawaran hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat yang bertanda "ADAT ISTIADAT — TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN ALAT-ALAT KEBESARAN." Dan nama pemborong tidak perlu dinyatakan di sampul surat, sampul surat tersebut hendaklah dialamatkan kepada:—

Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran-tawaran yang rendah ataupun apa-apa jua tawaran.

KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BIL: 83 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/PELO12, 85AB/PELO14, 85AB/PELO15 & 85AB/PELO16

PEMBINAAN KANTIN-KANTIN BAGI SEKOLAH MELAYU PUSAT PENGAJARAN, SEKOLAH MELAYU DELIMA SATU, SEKOLAH MELAYU RAJA ISTERI FATIMAH DAN SEKOLAH MELAYU SUNGAI HANCHING, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 4 April, 1985.

Tarikh tutup: 8 April, 1985.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 84 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD421/0617

PEMBINAAN MASJID DAN KERJA-KERJA LAIN YANG BERKAITAN DENGANNYA BAGI KAMPONG MASIN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 4 April, 1985.

Tarikh tutup: 8 April 1985.

Cagaran tawaran: \$500.00 + \$100.00 (lukisan)

BIL: 85 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/14105

MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA BANGUNAN SEKOLAH RENDAH KERAJAAN HAJI TARIF, KAMPONG TAMOI TENGAH, KAMPONG AYER, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 6 April, 1985.

Tarikh tutup: 10 April, 1985.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: 86 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/PELO44 & 85AB/PELO46

PEMASANGAN PAGAR KESELAMATAN BAGI SEKOLAH MELAYU SERASA DAN SEKOLAH MELAYU DELIMA SATU, JALAN MUARA, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 6 April, 1985.

Tarikh tutup: 10 April, 1985.

Cagaran tawaran: \$100.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 87 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/14101

MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA SEKOLAH MELAYU TANAH JAMBU DAN RUMAH GURU BATU 10, JALAN MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 6 April, 1985.

Tarikh tutup: 10 April, 1985.

Cagaran tawaran: \$100.00.

BIL: 88 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/14101

MEMBAIKI DAN MENCAT SEPENUHNYA BANGUNAN SEKOLAH DAN RUMAH GURU SEKOLAH MELAYU DPS UKONG, DAERAH TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 6 April, 1985.

Tarikh tutup: 10 April, 1985.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: 89 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/PELO19 & 85AB/PELO21

PEMBINAAN KANTIN-KANTIN BAGI SEKOLAH MELAYU DATO GANDI DAN SEKOLAH MELAYU ORANG KAYA BESAR IMAS SUBOK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 6 April, 1985.

Tarikh tutup: 10 April, 1985.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 90 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/PELO13, 85AB/PELO17 & 85AB/PELO22

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

(a) Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

ATAU

(b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, di Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

PEMBINAAN KANTIN-KANTIN BAGI SEKOLAH MELAYU BENDAHARA SAKAM BUNUT, SEKOLAH MELAYU ORANG KAYA SETIA BAKTI KILANAN DAN SEKOLAH MELAYU MUDA HASHIM, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 6 April, 1985.

Tarikh tutup: 10 April, 1985.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan)

BIL: 91 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/PELO48

PEMASANGAN PAGAR KESELAMATAN BAGI SEKOLAH MELAYU ORANG KAYA BESAR IMAS SUBOK, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 6 April, 1985.

Tarikh tutup: 10 April, 1985.

Cagaran tawaran: \$100.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 92 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/10401 & 85AB/10402

KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA BANGUNAN MASJID YANG SEDIA ADA DI KAMPONG KILANAN DAN KAMPONG JERUDONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 6 April, 1985.

Tarikh tutup: 10 April, 1985.

Cagaran tawaran: \$100.00.

BIL: 93 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 35AB/JUB005

PEMBINAAN JETTY DAN ANAK-ANAK TANGGA UNTUK TANAH PERKUBURAN TUNGSAI, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 6 April, 1985.

Tarikh tutup: 10 April, 1985.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan)

BIL: 94 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/13911

PEMBESARAN DAPUR DAN ATAP BAGI SEKOLAH MELAYU AWANG SEMAUN, SUNGAI KEBUN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 6 April, 1985.

Tarikh tutup: 10 April, 1985.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 95 TAHUN 1985

NOTIS TAWARAN SEBELUM KELAYAKAN UNTUK PEMELIHARAAN PADANG PERMAINAN GOLF MENTIRI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

KERAJAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam berhasrat untuk mempelawa tawaran-tawaran bagi kerja pemeliharaan Padang Permainan Golf di Pantai Mentiri seperti di atas.

Pemborong-pemborong yang berpengalaman dan berdaftar di Jabatan Kerja Raya da'am (Kelas "AX" ke atas), yang berhasrat untuk dipertimbangkan "Sebelum Kelayakan", adalah dikehendaki menghadapkan keterangan berikut, yang mana tempoh pemeliharannya adalah 12 bulan.

- Nama dan kelas pemborong berserta dengan keterangan lengkap mengenai pengalaman kerjanya yang lalu ke atas kerja-kerja tersebut dan/atau mempunyai pengalaman yang khusus di mana ianya menunjukkan bahawa pekerjaan itu dilaksanakan dengan baik.
- Kesanggupan untuk membekal dan memelihara mesin-mesin yang dikehendaki, mendaftarkan dan susunan yang tertentu mengikut jenis dan harga. Juga, nasihat pemborong-pemborong adalah dia'ulukan jika mesin-mesin tersebut hendak dibekalkan oleh Kerajaan di atas penyelenggaraan dan pemeliharaan.
- Jadual ringkas mengenai pemeliharaan pada semua item kerja seperti memotong rumput, penunahan untuk baja dan sebagainya.
- Jika cadangan mengenai perkara berikut, terdapat beberapa kesukaran dan paksan seperti memperolehi air, jam bekerja dan jalan masuk ke kawasan lapang yang hijau dengan selengkapannya.
 - Penanaman rumput dan pokok kayu di kawasan-kawasan baru juga pembaikan kawasan yang sedia ada.
 - Mendirikan bangunan sementara di kawasan yang ditetapkan bagi tapak pejabat, gudang penyimpanan perkakas, baja dan sebagainya.
 - Pengaliran air dan sistem tali air sementara. Lagun penyimpanan air yang ada sekarang ini adalah terhad untuk mengumpulkan air hujan.

Pemborong-pemborong yang berminat bolehlah mengambil dokumen-dokumen tawaran "sebelum kelayakan" di pejabat Jurutera Kerja Kanan, Jabatan Kerja Raya, Bangunan Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup bagi penyerahan di atas ialah pada 17 April, 1985 jam 12.00 tengah hari dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti; tawaran Jabatan Kerja Raya di Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam adalah tidak terikat untuk menerima mana-mana penyerahan tawaran dan semua perbelanjaan yang dikenakan dalam tawaran "sebelum kelayakan" ini ditanggung sendiri oleh pemborong-pemborong.

BIL: 96 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AW/001

PENYAMBUNGAN SALURAN-SALURAN NAJIS AWAM UNTUK BANGUNAN-BANGUNAN KERAJAAN, BANDAR SERI BEGAWAN — SEKOLAH ARAB LELAKI DAN PERUMAHAN GURU-GURU UGAMA JALAN TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 11 April, 1985.

Tarikh tutup: 15 April, 1985.

Cagaran tawaran: \$500.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 97 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 35AB/JUB008

CADANGAN JAMBATAN KONKRIT TETULANG BAGI MASJID OMARALI SAIFUDDIN, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 18 April, 1985.

Tarikh tutup: 22 April, 1985.

Cagaran tawaran: \$500.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 98 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal untuk:

PROJEK No.: 85AW/17400

MEMBEKAL ALAT-ALAT KOMPUTER BAGI SISTEM BILL AIR PERINGKAT II, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 13 April, 1985.

Tarikh tutup: 17 April, 1985.

Cagaran tawaran: \$100.00.

BIL: 99 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AW/02400

PEMBINAAN PARIT UTAMA DI PERUSAHAAN PADI KERAJAAN WASAN PERINGKAT I, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 13 April, 1985.

Tarikh tutup: 17 April, 1985.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan)

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERTAHUAN TAWARAN

DI PEJABAT DAERAH KUALA BELAIT

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikutan di Pejabat Daerah, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

1. PEMANDU/OPERATOR (Bil.: 55/1985 (1))
Tanggagaji: D.1 EB.2 — \$530-\$820 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 45 tahun serta boleh membaca dan menulis.
- Pemohon-pemohon mestilah mempunyai lesen memandu kelas 3 dan 5 yang sah serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan memandu serta boleh memperbaiki kerosakan-kerosakan kecil.

2. TRADESMAN TINGKAT I (Bil.: 55/1985 (2))
Tanggagaji: E.1-2-3 EB.4 — \$515-\$875 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 25 hingga 45 tahun.
- Mestilah pemandu yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu Kelas Lima (V) dan Kelas Sebelas (XI) dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan memandu.
- Lulus Darjah V Sekolah Melayu atau yang sebanding dengannya.
- Mestilah boleh memperbaiki kerosakan-kerosakan kecil kenderaan-kenderaan ringan dan mesin-mesin.
- Berpengalaman dan pernah bekerja sebagai seorang Tradesman di sesebuah Workshop Motor/Mesin-mesin adalah merupakan satu kelebihan.

Tugas-tugas:

- Pemohon-pemohon mestilah bersedia bertugas sebagai Pemandu atau membantu kerja memperbaiki kerosakan-kerosakan kenderaan/mesin dan mestilah bersedia untuk bertugas di luar waktu bekerja yang lazimnya bagi kakitangan Kerajaan.

3. PENGAWAS KECIL: (Bil.: 55/1985 (3))

Tanggagaji: E.1-2-3 EB.4 — \$515-\$875 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Berumur tidak kurang dari 25 tahun.
- Lulus sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
- Pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelulusan di (b) tetapi mempunyai pengalaman mengawas dan mengawal pekerja-pekerja buruh jalan-jalan kecil di kampung-kampung pedalaman dalam Daerah Belait sekurang-kurangnya selama 3 tahun akan juga dipertimbangkan.
- Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang bertugas sebagai mandur sekurang-kurangnya selama 3 tahun dalam tugas-tugas di (c).

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

- Calon-calon yang berjaya akan sentiasa melawat jalan-jalan kecil kampung pedalaman, mengawas dan mengawal bekerja-bekerja buruh dan lain-lain tugas yang berkaitan dengan tanggungjawab Pejabat-pejabat Daerah.

4. PEMANDU KERETA TINGKAT I

(Bil.: 55/1985 (4))

Tanggagaji: F.3-4-5 EB.6 — \$550-\$790 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 25 hingga 45 tahun serta boleh membaca dan menulis.
- Pemohon-pemohon mestilah mempunyai lesen memandu kelas 3 dan 5 yang sah serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh memperbaiki kerosakan-kerosakan kecil.
- Pemohon-pemohon mestilah telah berkhidmat sebagai Pemandu Tingkat II sekurang-kurangnya selama 3 tahun.
- Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan bilangan iklan dan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan yang berkenaan tidak akan dilayan.

Tarikh tutup: 15 April, 1985.

(E/683/83)

Sebagai Bilal

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai BILAL di Jabatan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan, Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan dan Pengalaman:

Tanggagaji: D.1-2 EB.3 — \$530-\$1125 sebulan.

- Berumur tidak kurang dari 20 tahun.

- Hendaklah lulus Darjah VI Sekolah Agama atau sekurang-kurangnya lulus Peringkat Rendah Sekolah Agama Dewasa.

- Hendaklah tahu membaca dan menulis jawi.

- Hendaklah tahu membaca Al-Quran.

- Hendaklah tahu dalam menyempurnakan jenazah.

- Boleh menyampaikan Azan dan Qamat dengan baik.

- Hendaklah mengetahui hukum-hukum khasnya dalam perkara-perkara bersuci, sembahyang, zakat dan puasa.

- Hendaklah pandai berdiri.

Am:

Calon-calon yang berjaya akan ditempatkan di 2ABDB Perkhemahan Tutong.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 15 April, 1985.

(Bilangan iklan: 60/1985)

(E/1659/77)

PEMBERITAHUAN TAWARAN

JABATAN PELAJARAN, KEMENTERIAN PELAJARAN DAN KESIHATAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Syarat-syarat Tawaran

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Jabatan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 8 April, 1985.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, bertulis dengan nama perkara yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Pelajaran di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya

setelah menghantar tawaran yang jujur (bonafide tender). Bayaran balik cagaran tawaran bolehlah dituntut setelah keputusan tawaran berkenaan disiarkan. Resit salinan asal hendaklah disertakan.

6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

7. Harga yang ditawarkan mestilah harga C.I.F. dan pemborong-pemborong yang menghantar tawaran mereka hendaklah menyertakan katalog alat-alat yang ditawarkan.

8. Pembekal-pembekal yang berjaya akan dikehendaki menghantar alat-alat yang tersebut di bawah ke sekolah-sekolah/maktab-maktab yang memerlukan.

9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

BIL: JP/09/1985

MEMBEKAL DAN MENGHANTAR: KIPAS ANGIN BERDIRI JENIS "NATIONAL" UNTUK SEKOLAH RENDAH KERAJAAN. CAGARAN: \$200.00.

BIL: JP/10/1985

MEMBEKAL DAN MENGHANTAR: MESIN CUCI (WASHING MACHINE) UNTUK ASRAMA SEKOLAH. CAGARAN: \$200.00.

BIL: JP/11/1985

MEMBEKAL DAN MEMASANG PETI TV BIMBIT JENIS "PHILLIPS" untuk SEKOLAH RENDAH KERAJAAN DI PENDALAMAN. CAGARAN: \$200.00.

TENDER NOTICE

Medical and Health Department Ministry of Education and Health Negara Brunei Darussalam

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, Negara Brunei Darussalam. Tenders should be placed in the Tender Box situated at:—

4th Floor,
Jabatan Kementerian Kewangan,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam
by 12.00 noon on Monday 22nd April, 1985.

2. Detailed tender documents can be obtained from Account Section, Medical Headquaters, Ministry of Education and Health.

Tender No. DMS/5/1985
SUPPLY OF SPARE PARTS FOR MOTOROLA SYSTEM
(Tender Deposit \$500.00)

Tender No. DMS/6/1985
SUPPLY OF SPARE PARTS FOR GENERAL ELECTRIC TERMINET 200 (GENI COM 200) TERMINET 30 AND 2030 KSR PRINTERS.
(Tender Deposit \$500.00)

Tender No. DMS/7/1985
ONE YEAR PLUMBING MAINTENANCE AND REPAIR SERVICES.
(Tender Deposit \$500.00)

Tender No. DMS/8/1985
TWO YEARS TERM CONTRACT FOR COMPREHENSIVE MAINTENANCE OF STERILIZING EQUIPMENTS AT RIPAS HOSPITAL.
(Tender Deposit \$500.00)

PEMBERITAHUAN TAWARAN

ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

Syarat-syarat Tawaran

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, di Lembaga Tawaran Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 6 Mei, 1985.

2. Penawar-penawar hendaklah menghadapkan tawaran-tawaran mereka dalam sampul surat biasa atau yang dikehendaki dan hendaklah ditutup. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan tajuk tawaran sepertimana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu.

3. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Procurement, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730-1230 dan 1400-1630 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730-1130 tiap-tiap hari Jumaat).

4. Contoh-contoh, katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah dihantar ke Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, ABDB tidak lewat 3 hari selepas tarikh tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

5. Cagaran tawaran adalah

dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran.

BIL: PROC/T/86/85

MEMBEKAL: TWO MEDIUM CRAWLER TRACTOR CAGARAN: \$500.00.

BIL: PROC/T/87/85

MEMBEKAL: ONE MOTORIZED GRADER (HYDRAULIC). CAGARAN: \$300.00.

BIL: PROC/T/88/85

MEMBEKAL: ONE MEDIUM CRAWLER EXCAVATOR (HYDRAULIC). CAGARAN: \$200.00.

BIL: PROC/T/89/85

MEMBEKAL: ONE LIGHT CRAWLER TRACTOR CAGARAN: \$300.00.

BIL: PROC/T/90/85

MEMBEKAL: ONE TOWED SCRAPER CAGARAN: \$400.00.

PEMBERITAHUAN TAWARAN

JABATAN PELAJARAN, KEMENTERIAN PELAJARAN DAN KESIHATAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BIL: JP/12/1985

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di Pejabat Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 8 April,

KONTRAK PEMELIHARAAN PETI TELEVISYEN DAN JANAKUASA TELEVISYEN PENDIDIKAN, JABATAN PELAJARAN, BRUNEI.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Keterangan-keterangan lanjut mengenai dengan tawaran tersebut bolehlah didapati di Bahagian Pentadbiran, Jabatan Pelajaran, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul-sampul surat yang ber-

tutup dan sudut di atas sebelah kiri bertulis dengan perkara berikut:—

TAWARAN BAGI KONTRAK PEMELIHARAAN PETI TELEVISYEN / JANAKUASA TELEVISYEN PENDIDIKAN, JABATAN PELAJARAN, BRUNEI.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki sebanyak \$200.00 dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).

6. Syarat yang berjaya diterima oleh pemenang tender satu kontrak perkhidmatan dengan Pengarah Pelajaran dan bersetuju mengikut syarat-syarat kontrak itu dan peraturan-peraturan kerajaan yang berjalan pada masa ini.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

TENDER NOTICE ROYAL BRUNEI POLICE FORCE

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, Negara Brunei Darussalam. Tenders should be placed in the Tender Box situated at:—

4th Floor,
Jabatan Kementerian Kewangan,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam
by 12.00 noon on the stated closing date.

2. Tender documents can be collected from:—
Head of Logistics and Procurement
Police Headquarters,

Gadong,
Negara Brunei Darussalam.

Tender No. 13/1985
SUPPLY OF OUTBOARD ENGINE SPARES.
(Closing Date 14th April, 1985)

Tender No. 32/1985
SALUTING CANONS AND TRAILERS.
(Closing Date 29th April, 1985)

Tender No. 33/1985
SUPPLY OF FINGER-PRINT PRINTAKE PADS
(Closing Date 22nd April, 1985)

Tender No. 34/1985

PHOTOGRAPHIC FILM DEVELOPING/PRINTING EQUIPMENT.
(Closing Date—6 May, 1985)

Tender No. 35/1985

CLOSE CIRCUIT TELEVISION SPARES
(Closing Date—6 May, 1985)

Tender No. 36/1985

SUPPLY OF KUSTOM CONSOLE COMMUNICATIONS SPARES
(Closing Date — 20 May, 1985)



DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ketika bersabda di upacara tersebut. — Gambar oleh Ak. Abu Bakar PHO.

KEKALKAN KERJASAMA DAN PERSEFAHAMAN DALAM ASEAN — sambungan dari muka 1

dahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah mengucapkan tahniah kepada peserta-peserta yang berjaya di Pesta Sukan Merdeka dan kepada yang tidak berjaya Duli Yang Teramat Mulia berharap supaya tidak berputus asa.

CABARAN

"Anggaplah kegagalan ini sebagai suatu cabaran dan pendorong semangat untuk berjaya di pertandingan-pertandingan sukan di masa-masa yang akan datang," sabda Duli Yang Teramat Mulia seterusnya.

Selaku Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei, Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia juga mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada semua ahli jawatankuasa penyelenggara Pesta Sukan Merdeka dan juga kepada semua yang terlibat dalam pengendalian pesta sukan, yang mana telah bekerjasama

dalam menyumbangkan tenaga, masa dan pemikiran secara sukarela, semata-mata bagi kejayaan pesta sukan sedemikian.

"Mudah-mudahan segala khidmat yang baik serta berkeabajikan ini akan diberkati oleh Allah Subhanahu Wataala jua," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Berangkat sama di upacara yang gilang-gemilang pada petang itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan merangkap Timbalan Menteri Kewangan, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, putera kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan serta kerabat-kerabat Diraja yang lain.

LAPORAN AKHBAR LUAR NEGERI DIKESALI

BERAKAS. — Jawatankuasa Penganjur Pesta Sukan Merdeka berasa kecewa dengan laporan sebuah akhbar luar negeri yang tidak berpatutan dan amat mendukacitakan berhubung dengan keadaan di perkampungan sukan.

Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Pesta Sukan Merdeka, Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussain menjelaskan, kekurangan dan kesilapan yang dinyatakan bukan hanya dihadapi oleh negara-negara yang agak baru mencuba untuk melibatkan dirinya dalam pengendalian sukan sempurna itu malah ada terjadi dan dihadapi oleh negara-negara yang agak berpengalaman dalam pengendalian sukan bertaraf antarabangsa.

"Adalah menjadi hasrat pihak penganjur Pesta Sukan Merdeka ini agar berbagai 'statement' yang kurang me-



YDM Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussain.

nyenangkan itu tidak akan memecah-belahkan dan menjejaskan perpaduan kita," ujar Yang Dimuliakan Pehin di Majlis Makan Malam dan Ucapan Selamat bagi pegawai-pegawai negara-negara peserta dan ahli-ahli jawatankuasa pesta sukan yang diadakan oleh beliau di Stadium Negara Hassanah Bolkiah pada malam Isnin lepas.

Bagaimanapun menurutnya segala teguran-teguran melalui akhbar dan seumpamanya serta nasihat-nasihat yang membina dari

JALAN MUARA. — Pengarah Pelajaran, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong menegaskan bahawa pendidikan adalah satu proses yang panjang dan bukan semata-mata bertujuan untuk melahirkan manusia-manusia

Dari muka 1

agensi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan pihak swasta serta orang ramai yang berhasrat membuktikan kemampuan dan perpaduan masyarakat negara ini dalam pengendalian pesta sukan yang pertama kali, Pesta Sukan Merdeka tidak akan dapat berjalan lancar dan teratur.

Katanya, sebagai suatu pengalaman baru dan suatu percubaan ke arah pengendalian sukan bertaraf antarabangsa kekurangan dan kesilapan semasa pengendalian pesta sukan itu memang tidak dikehendaki.

"Apa-apa kesilapan dan kekurangan yang dihadapi merupakan pengajaran dan akan diambil perhatian bagi sebarang pengendalian sukan di masa akan datang," tegas Yang Dimuliakan Pehin.

pihak-pihak berkenaan akan diambil maklum dan ingatan.

Yang Dimuliakan Pehin memuji para pemberita akhbar dan televisyen yang telah membuat liputan memuaskan semasa pesta sukan itu.

Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Filipina, Gabnor Jose C. Sering telah menyampaikan cenderamata-cenderamata kepada Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Pesta Sukan Merdeka, Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussain dan Timbalan Pengerusi I, Jawatankuasa Tertinggi Pesta Sukan Merdeka, Awang Abd Razak Haji Mohammad.

Majlis itu telah juga diserikan dengan persembahan-persembahan kebudayaan oleh Badan Kebudayaan Brunei diiringi oleh Orkes Senandung Budaya, Dewan Bahasa dan Pustaka.

PENDIDIKAN BUKAN BERTUJUAN LAHIRKAN MANUSIA ROBOT

Oleh Jaafar Haji Ibrahim

robot yang luas dan tinggi pengetahuannya tetapi kosong dari segala isi hatinya, kosong dan bergeroHong dari perasaannya, kosong dan bergeroHong dari segi peribadinya.

Pembangunan masyarakat dan pembentukan selaku masyarakat Negara Brunei Darussalam yang dihasratkan menurut aspirasi negara, terang Pengarah Pelajaran bukan sesuatu yang dapat dibaca dari buku, yang dapat ditimba dari perpustakaan dan yang dapat dipetik dari empat kerat tembok bilik darjah.

Awang Haji Abu Bakar membuat penegasan demikian ketika berucap se-jurus sebelum menutup Kursus Kepimpinan Ketua-ketua Dan Pemimpin-pemimpin Badan Penuntut seluruh negara yang diadakan di sini pada minggu lalu.

FALSAFAH

Semua orang, jelasnya, dari apa jua latar belakang profesionnya memandang dengan lebih serius kepentingan pelajaran pada diri seseorang manusia, terhadap negara dan kepentingan pelajaran dari berbagai perpektif yang dapat dilihat dan diteroka.

Kita, kata Pengarah Pelajaran, akan sampai kepada satu titik pertemuan dalam mana apa yang dimaksudkan itu tidak lain dari falsafah pendidikan yang akan menjadi 'kompas' untuk kita menentukan arah yang dituju dari sistem pendidikan kita.

"Sesudah negara kita mencapai tarafnya sebagai sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat kita telah menjadi yakin haluan kita semakin jelas apa yang dikatakan falsafah itu seperti yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam semasa Pemasyhuran Kemerdekaan yang Brunei Darussalam akan terus kekal menjadi sebuah Negara Melayu Islam Beraja yang Berdaulat, Merdeka dan Demokratik bersendikan ajaran-ajaran Ugama Islam menurut Ahli Sunnah Wal-jamaah", ujarnya.

TERDEDAH

Berasaskan konsep negara itulah kita akan melaksanakan sistem pendidikan yang dihasratkan menurut adunan yang beliau percaya akan dapat melahirkan masyarakat Brunei Darussalam yang taat kepada Allah, setia kepada Raja, bersatu padu menghayati konsep MIB, kukuh mendukung asas-asas keadilan, amanah, gigih berusaha pada memperolehi ketenteraman dan keselamatan, hidup rukun damai, hormat-menghormati, bermaruah tinggi, beradab mulia dan mematuhi undang-undang negara.

"Tentulah usaha untuk melahirkan masyarakat menurut adunan dan ciri-ciri yang saya sebutkan tadi mengambil masa dan memerlukan kesabaran," terangnya.

Masyarakat kita dewasa ini, menurut Pengarah Pelajaran sudah berhadapan dan terdedah kepada kelajuan arus sains dan teknologi menjadikan sebahagian dari kehidupan kita menjadi mekanikal, push button malah setiap hari ujarnya, kita disogokkan dengan bahan 'instant'.

"Pendeknya apa jua yang kita hajati sekarang akan dapat dinikmati dalam waktu yang sesingkat-singkatnya", jelas beliau.

Kursus yang dianjurkan oleh Jabatan Pelajaran, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan selama tiga hari itu telah disertai oleh seramai 140 orang penuntut dari seluruh negara.

Pejabat Pos Tutong mulakan perkhidmatan

TUTONG. — Pejabat Pos Daerah Tutong yang baharu di Bukit Bendera di sini telah memulakan perkhidmatannya kepada orang ramai awal bulan ini.

Perkhidmatan yang diadakan termasuk kiriman wang, wang pos, mel berdaftar, speedpost, penyerahan ekspres, penyerahan berrekod, peti surat persendirian, beg berkunci, perkhidmatan bungkusan dan lain-lain.

Dengan pembukaan pejabat baru itu, Pejabat Pos lama di daerah itu akan diadatkan.

Pejabat Perkapalan dibuka

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kaum perkapalan dimaklumkan bahawa Pejabat Perkapalan Jabatan Laut di Bandar Seri Begawan, Muara dan Kuala Belait dibuka mulai 1 April lepas pada masa-masa yang ditetapkan bagi menerima laporan-laporan ketibaan dan bertolak kapal-kapal dan mengeluarkan Perlepasan Pelabuhan.

Pada hari-hari Isnin, Selasa, Rabu, Khamis dan Sabtu, ianya dibuka dari jam 7.45 pagi hingga 12.15 tengah hari dan dari jam 1.30 petang hingga 5.00 petang.

Sementara hari-hari Ahad dan Jumaat, pejabat-pejabat itu dibuka dari jam 8.00 hingga 10.00 pagi sahaja.

Sebarang perubahan masa-masa pejabat itu dibuka akan dimaklumkan melalui setiap pejabat.

Sambungan dari muka 6

Dalam awal tahun ini, 3 daripada pemegang-pemegang permit telah diarah untuk bekerja dalam kawasan tadahan air di Benutan apabila kawasan permit mereka yang ada telah selesai dikerjakan. Walaupun demikian kawasan-kawasan permit baru akan dikeluarkan kepada mereka sebaik-baik sahaja kawasan tadahan air di projek ampungan air di atas selesai.

Brunei Darussalam mengamalkan dasar menegah pengeksportan papan dari negeri ini.

Papan lapis, venner dan lain-lain panel adalah barang utama yang diimport untuk keperluan pembangunan negeri ini yang mana pada tahun 1984 sejumlah lebih

kurang 8 juta ringgit telah diimport ke negara ini.

3. Perkembangan Hutan

Satu bahagian yang dinamakan Bahagian Perkembangan telah dibentuk dalam jabatan ini yang mana akan menyelaraskan serta menentukan pengendalian sumber hutan yang tidak putus-putus.

Beberapa projek telah pun dirancarkan seperti pemulihan hutan, tanaman ladang hutan, penanaman pokok yang mempunyai 'dual purpose' seperti durian, petai dan sebagainya. Lain-lain projek yang boleh mendatangkan faedah-faedah perhutanan dari segi sosial, ekonomi dan pembangunan negara akan juga dirancarkan dari masa ke semasa.